


**Jilid III
Bil. 15**



**Hari Khamis
10hb Disember, 1981**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1701]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1982 [Ruangan 1731]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN TAHIR, S.M.T., B.C.K., P.J.K. (Kedah).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N, J.P. (Dilantik).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).
- „ TUAN CHIN KIM YOONG (Perak).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD (Perlis).

- yang Berhormat DATO' HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- „ DR GAN KONG SENG, P.J.K. (Negeri Sembilan).
- PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.J.K., P.P.N. (Trengganu).
- „ DATO SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ DATO' ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ DATO' HAJI ISMAIL BIN HASSAN, D.P.M.J., P.I.S. (Johor).
- „ DATUK JAMES WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ DATUK KAM WOON WAH, D.I.M.P., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARUZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ TUAN KENNETH KANYAN ANAK TEMENGGONG KOH (Sarawak).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TUAN LEE JONG KI (Dilantik).
- „ TUAH LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ DATO' HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T. S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN M. MUTHU PALANIAPPAN, A.M.N., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN RAGAYAH ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO' SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN HAJI TUAN YAACOB BIN HAJI ENSKU YUNUS, P.P.N. (Kelantan).
- „ DATO YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. Bhaskaran Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 10hb Disember, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

LEMBAGA URUSAN DAN
TABUNG HAJI—PERKHIDMATAN

1. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membuat kajian yang mendalam di atas perkhidmatan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) dalam urusan haji oleh jumaah haji negara ini, dan jika ya, sama ada kajian itu akan meliputi peranan Sheikh-sheikh Haji.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan yang dikemukakan itu telahpun saya beri pada Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen Kelima di Dewan Negara ini pada 17hb Disember, 1980 yang lalu di mana saya telah menyatakan bahawa pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU) Jabatan Perdana Menteri akan membuat kajian yang menyeluruh terhadap pentadbiran urusan haji bukan sahaja di tanah suci bahkan di Malaysia juga.

Bagi maksud ini pegawai MAMPU telah bersama-sama pergi menunaikan fardhu haji ke tanah suci tahun ini dan mengkaji perjalanan perkhidmatan Lembaga Urusan dan Tabung Haji kepada jumaah haji di sana.

Dalam kajian MAMPU itu sedikit sebanyak telah menyentuh mengenai peranan-peranan

Sheikh-sheikh Haji yang akan juga dilaporkan dan laporan itu akan siap di dalam sedikit masa lagi.

Tuan Abdullah bin Salleh: Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri benarkah para jumaah haji kita yang menunaikan fardhu haji pada tahun ini ada yang hilang dan ada pula yang kena colek. Jika benar, berapa orangkah yang hilang dan berapa orangkah yang kena colek?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, yang kena colek tidak ada, yang hilang ada tetapi sekarang telah kembali ke tanahair.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, dasar Lembaga Urusan dan Tabung Haji ialah hendak memberi segala kemudahan-kemudahan kepada bakal-bakal haji dan jumaah haji apa sahaja yang boleh kita buat melalui pegawai-pegawai kita dan arahan telah diberi kepada pegawai-pegawai bertugas yang terdiri daripada pegawai-pegawai Tabung Haji dan juga pegawai-pegawai yang berkhidmat dalam rombongan kesihatan dari Kementerian Kesihatan telah diberi arahan supaya mereka mengambil perhati dalam segala kemudahan-kemudahan yang boleh diberi kepada jumaah haji kita.

Sebenarnya, jumaah haji pada tahun ini terdiri dari Malaysia sahaja 22,700 orang dan kalau dikira seluruh dunia ada 3 juta tahun ini, mungkin bertambah lagi.

Dari segi memberi kemudahan dan menjaga tiap-tiap individu, mungkin tidak terdaya. Jadi, oleh sebab itulah kita cuba memberi segala kemudahan kepada golongan-golongan, puak-puak atau di dalam kumpulan-kumpulan yang ada di rumah Sheikh-sheikh Haji. Itulah sebabnya saya katakan tidak boleh kita hendak elakkan sama sekali daripada berlaku satu-satu perkara

yang tidak diinginkan dan dasar Tabung Haji ialah untuk memberi segala kemudahan termasuk dalam hikmah Al-Quran; Istataq hialaihisabillah. Jadi termasuk dalam ayat ini luaslah seperti kerja-kerja kesihatan, kemudahan, menyimpan wang dan sebagainya dalam Tabung Haji—memberi segala kemudahan supaya orang boleh menyimpan wang dan satu masa kelak mereka dapat menunaikan haji. Jadi, bidang itu luas.

Walau bagaimanapun, saya suka menegaskan kepada Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, sesudah kita dapat laporan dari Jawatankuasa MAMPU ini kita akan buat beberapa kemudahan-kemudahan kepada jumaah-jumaah haji.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kajian yang dikatakan hendak dibuat secara mendalam itu, adakah termasuk urusan tambang dan benarkah atau tidak diura-urakan bahawa tambang seseorang yang akan menunaikan fardhu haji itu bertambah lebih dari apa yang dikenakan sekarang?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, mengenai tambang, saya rasa pihak Tabung Haji tidaklah cuba mengenakan lebih daripada apa yang patut. Sebenarnya kapalterbang yang digunakan untuk mengangkut jumaah-jumaah haji ini ialah kita sewa daripada syarikat penerbangan. Jadi, bila kita menyewa kapalterbang ini maka sewaan itu ditetapkan bergantung atas harga minyak.

Walau bagaimanapun, dianggarkan pada tahun 1982 ini lebih kurang \$5,000 bolehlah cukup seseorang pergi haji. Dalam tugas yang diberikan kepada Jawatankuasa ini, Jawatankuasa ini akan mengkaji segala-alanya yang boleh memberi contribution untuk menyenangkan jumaah-jumaah haji.

Dato' Ismail bin Hashim: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya berkehendakkan kepastian Yang Berhormat Menteri mengenai masalah barang-barang jumaah haji ini tertinggal sebagaimana yang telah disiarkan oleh akhbar-akhbar tempatan. Kalau sekiranya benar, berapa banyakkah dan apakah sebab-sebabnya barang-barang

jumaah haji ini yang mustahak untuk digunakan untuk menunaikan fardhu haji itu tertinggal? Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi sebab-sebabnya?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Memang ada barang-barang jumaah haji ini hilang tetapi boleh dikatakan hampir semua sekali barang-barang itu telah kita dapat dan telah kita pulangkan kepada jumaah haji.

GURU BAHASA TAMIL

2. Datuk G. Pasamanickam minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramaikah bakal guru yang kini dalam latihan perguruan untuk dihantar mengajar dalam Bahasa Tamil di Sekolah-sekolah Tamil dan sama ada Kementerian bercadang untuk menambahkan jumlah ini di masa depan, memandangkan sekolah-sekolah Tamil menghadapi kekurangan guru-guru Tamil.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, bilangan guru-guru bahasa Tamil yang sedang dilatih di Maktab-maktab Perguruan sekarang ini adalah seperti berikut:

Tahun Pengambilan	Dirancangan	Yang Melapor Diri Di Maktab	Kekurangan
1980	120 (4 Unit)	105 (4)	15
1981	120 (4 Unit)	87 (4)	33

Calon-calon yang memohon dan layak untuk mengikuti Kursus Pengajian Peringkat Awal Kanak-kanak (Bahasa Tamil) PPAK(T) adalah sangat kekurangan dan tidak dapat memenuhi bilangan yang telah dirancangan pada setiap tahun.

Sebagai contohnya, pada tahun 1981 yang disebutkan oleh saya tadi, Kementerian Pelajaran merancang untuk mengambil 120 orang Guru Pelatih untuk mengikuti Kursus PPAK(T) ini tetapi hanya 87 orang sahaja calon yang melaporkan diri. Ini bermakna banyak lagi tempat yang tidak diisi.

Memandangkan sebab-sebab di atas tidak mungkin Kementerian Pelajaran dapat

menambah bilangan pengambilan guru-guru Tamil pada masa depan.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri pertama, guru-guru bahasa Tamil ini di manakah kelulusannya maka ia diambil berkhidmat sebagai guru-guru bagi Sekolah-sekolah Tamil? Kedua, hingga ke darjah berapakah bahasa Tamil diajar di sekolah-sekolah ini?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, pelatih-pelatih atau guru-guru untuk SRJK(T) ini mestilah mempunyai kelulusan dalam MCE atau SPM yang mana mestilah mempunyai kepujian di dalam bahasa ibunda iaitu bahasa Tamil dan juga mestilah mempunyai kepujian dalam Bahasa Malaysia dan juga ditambah lagi dua mata pelajaran kepujian di peringkat MCE atau SPM. Mereka berkehendakkan kedua-dua kepujian dalam bahasa ibunda iaitu bahasa Tamil dan juga Bahasa Malaysia supaya guru-guru ini bukan sahaja dapat mengajar di dalam bahasa ibunda sahaja iaitu bahasa Tamil tetapi juga pada amnya dapat mengajar di dalam mata pelajaran yang lain. Jadi untuk pengetahuan mereka, mereka tentulah dapat mengajar dari darjah satu hingga ke darjah lima di semua Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil.

Dato G. Pasamanickam: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya dapati ada seramai 161 orang Guru Tamil Sementara yang mempunyai LCE penuh dengan kepujian dalam Bahasa Malaysia dan pengalaman mengajar dan saya rasa ini adalah mencukupi untuk latihan perguruan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menimbang membenarkan guru-guru ini mengikuti latihan perguruan?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, jikalau seorang guru sementara itu memenuhi syarat-syarat yang telah disebutkan oleh saya tadi tentulah Kementerian Pelajaran khususnya Bahagian Latihan Guru akan memberikan peluang kepada mereka untuk memasuki maktab-maktab dan selepas itu mereka itu akan dijadikan guru tetap.

Tuan S. Subramaniam: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan memandangkan bahawa pada tahun 1980 sebanyak 15 calon tidak melapor untuk menerima latihan dan pada tahun 1981 sebanyak 33 orang tidak melapor di kolej, apakah langkah-langkah yang akan diambil pada tahun 1982 dan masa depan untuk menentukan bahawa calon-calon yang dipilih akan melapor? Saya fikir dalam pilihan itu memang ada satu waiting list, senarai yang dipilih akan menunggu. Jadi mereka dalam senarai menunggu bolehlah ditawarkan untuk mengisi tempat-tempat yang tidak dipenuhi oleh calon-calon yang terpilih. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan, adakah langkah-langkah ini akan diambil untuk tahun 1982 dan juga tahun-tahun yang akan datang?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana mereka tidak melapor diri bila maktab-maktab itu dibuka, jadi sebab-sebabnya pun susahlah untuk kita dapat tahu oleh kerana mereka tidak melaporkan diri. Satu sebab barangkali timbul oleh kerana mereka sudah mempunyai kepujian dalam bahasa Tamil khususnya dalam Bahasa Malaysia mereka dapatlah mencarikan, dengan izin, "greener pastures" di lapangan yang lain. Jadi mereka tidaklah berkehendak menjadi guru.

Soalan yang kedua itu, kita telah berusaha supaya bila ada kekosongan atau mereka tidak melaporkan diri, jadi bilangan yang tetap mestilah kita dapat menawarkan kepada calon-calon yang di dalam senarai simpanan. Selepas usaha itu masih juga kita dapati kekurangan ini, inilah keadaan yang sebenarnya. Walau bagaimanapun, tentulah langkah yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat itu kita dapat mengambil untuk memenuhi pengisian itu tetapi oleh kerana selepas usaha itu pula kita masih berkurangan, jadi dapatlah angka yang sebenar seperti ini.

IMBANGAN DAGANGAN MALAYSIA—BRITAIN

3. Tuan Alexander Y. L. Lee minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah imbalan dagangan di antara

Malaysia dan Britain dan berapa banyakkah yang diimport dan dieksport oleh Malaysia dari dan kepada Britain.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, perdagangan di antara Malaysia dan Britain semenjak beberapa tahun yang lalu telah memberikan lebihan imbalan dagangan kepada Britain. Dari tahun 1975 sehingga bulan Jun tahun ini kedudukan imbalan dagangan di antara kedua-dua negara adalah seperti berikut:

Tahun	Imbalan Dagangan (Dalam juta ringgit Malaysia)
1975	297.84
1976	57.42
1977	77.04
1978	196.10
1979	152.80
1980	495.10
1981 (Jan-Jun)	225.6

Adalah dijangkakan, bagi tahun 1981 iaitu tahun ini Malaysia akan terus mengalami deficit di dalam imbalan dagangannya dengan Britain.

Import dan eksport oleh Malaysia dari dan kepada Britain bagi tempoh yang sama adalah seperti berikut:

Tahun	Import (Dalam juta ringgit Malaysia)	Eksport (Dalam juta ringgit Malaysia)
1975	851.98	554.14
1976	719.34	661.92
1977	844.77	767.73
1978	1,018.00	821.90
1979	1,096.20	943.40
1980	1,274.10	779.10
1981 (Jan-Jun) ..	596.70	371.10

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan. Sekarang ini nyatalah perimbangan import/eksport antara British dengan Malaysia adalah berbeza, bahawa kita lebih banyak mengimport daripada mengeksport barang-barang kita ke London. Apakah sebabnya rombongan perdagangan British tidak datang ke Malaysia ini, adakah disebabkan satu kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau lain-

lain sebab? Kerana kita berhajat mereka datang supaya perimbangan kita sama. Sekarang ini kita rugi tiap-tiap tahun tidak kurang daripada \$200 juta disebabkan imbalan import dan eksport kita.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat itu cuba mengaitkan dua perkara yang agak berasingan tetapi kalau saya membuat kesimpulan daripada soalan Ahli Yang Berhormat itu sama ada soal imbalan dagangan merupakan satu masalah yang telah menyebabkan lawatan rombongan daripada negara Britain, saya kata tidak adalah kerana sebenarnya rombongan itu ialah rombongan daripada Chamber of Commerce—Dewan Perniagaan dan bukan satu rombongan dagangan seperti mana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan. Kalau sekiranya soalan saya tidak tepat, saya mengemukakan satu soalan tambahan lagi. Apakah ikhtiar kita sekarang ini supaya import dan eksport kita bersamaan, tidak sebagaimana yang ada hari ini bahawa kita lebih banyak mengimport daripada mengeksport. Apakah langkah Kementerian sekarang ini, adakah patut kita mengadakan rombongan ke London atau memanggil rombongan dari London ke Malaysia?

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dari segi Kementerian, sukalah saya sebelum menjawab apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian, sukalah saya menyatakan bahawa masalah yang dihadapi oleh negara kita dalam soal imbalan dagangan di antara negara kita dengan Britain disebabkan oleh kerana pertamanya penurunan harga bagi bahan-bahan utama yang dieksport oleh negara kita ke negara Britain oleh kerana sebahagian besar daripada eksport negara kita adalah merupakan bahan-bahan utama iaitu getah, kelapa sawit dan juga barang-barang utama yang mana kebanyakan daripadanya harga-harga barangan itu telah merosot dalam pasaran dunia akibat daripada kemerosotan

ataupun kemelesetan ekonomi di negara-negara yang maju termasuk negara Britain. Sebalik daripada itu negara kita pula mengimport barang-barang yang merupakan mesin-mesin dan jentera-jentera berat oleh kerana kita sedang membangun dengan begitu pesat sedangkan dibandingkan pula pembangunan ekonomi kita kalau dibandingkan dengan ekonomi dengan negara-negara maju, ekonomi negara kita telah berkembang dengan begitu pesat dan hasil daripada itu pengimportan barang-barang sophisticated technology dan barang-barang jentera berat dan sebagainya kian bertambah dan sebab itulah kalau dilihat kepada dagangan di antara Britain dengan negara kita, kita bertambah mengimport daripada negara Britain dan kurang sangat nilai eksport kita ke negara Britain. Ini jelas nampak dilihat daripada kedudukan imbalan dagangan tahun 1975 daripada \$297.84 juta telah turun kepada \$57.42 juta dalam tahun 1976 dan telah melompat naik daripada angka paras itu menjadi hampir \$500 juta dalam perbezaan imbalan dagangan di antara kedua-dua negara ini. Dan dari segi itu kita tidaklah dapat menyekat pengimportan barang-barang jentera dan alat-alat yang diperlukan di dalam pembangunan negara kita.

Apa yang boleh dilakukan ialah Kementerian cuba menggalakkan dengan pelbagaikan punca-punca import barang-barang berat dan barang-barang mesin dan jentera supaya kita tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada negara Britain untuk mendapatkan jentera dan mesin yang diperlukan untuk kerja-kerja pembangunan dalam negara ini. Itu satu langkah yang boleh diambil oleh negara kita dan Kementerian sedang dan telahpun menganjurkan berbagai-bagai rombongan dagangan ke negara-negara yang lain untuk menambahkan atau mempelbagaikan punca pengimportan barang-barang dan jentera-jentera berat yang pada masa ini diimport seperti negara Britain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya perdagangan kita dengan negara Britain telah bertambah berkurangan kalau dilihat pada tahun 1973 hampir 9% daripada jumlah perdagangan kita ialah dilakukan dengan negara Britain tetapi semenjak tahun

1973 ianya telah berkurangan dan sehingga pada tahun 1979 peratus dagangan dengan Britain menjadi 5% daripada jumlah dagangan negara kita dan telah terus merosot kepada 3.9% dalam tahun 1980. Jadi bermaknalah bahawa dari segi pentingnya negara Britain sebagai rakan perdagangan kini telah kian merosot.

Sebelum saya duduk, Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan, suka tidak suka oleh kerana negara kita merupakan satu negara yang bergantung kepada pengeksportan bahan-bahan utama harga bahan-bahan utama ini akan meninggalkan kesan kepada imbalan dagangan di antara negara kita dengan negara-negara maju yang lain bukan sahaja kepada negara Britain umpamanya dan dalam hal ini, sukalah saya menyatakan bahawa Kementerian dan dasar Kerajaan sekarang ialah untuk menggalakkan lebih pengeksportan barang-barang buatan kilang dan bukan sahaja pengeksportan bahan-bahan utama dan setakat hari ini, barang-barang buatan kilang telahpun menjadi hampir 20% daripada jumlah dagangan kita dan dalam tahun 1985 dianggarkan akan bertambah pada 25% pada jumlah dagangan negara kita. Dan dengan cara ini kita akan dapat menambahkan pengeksportan negara kita dari jenis barang-barang buatan dan bukan sahaja daripada bahan-bahan utama. Dan sukalah juga saya menyatakan bahawa Kementerian ini sedang menggalakkan pelabur-pelabur daripada negara Britain untuk datang melabur di negara kita bagi membuka kilang mengeluarkan barang-barang yang boleh dieksport balik kepada negara Britain sebagai satu langkah ke arah mengurangkan imbalan dagangan di antara negara kita dengan Britain.

HOSPITAL DI LADANG-LADANG

4. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah sebarang cadangan oleh Kementerian beliau untuk mengambil alih hospital di ladang-ladang, dan jika tidak, apakah tindakan dan rancangan yang akan dibuat bagi memastikan hospital di ladang-ladang mempunyai kemudahan dan tenaga pekerja-pekerja yang mencukupi.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa perbekalan kemudahan perubatan kepada penduduk-penduduk di ladang-ladang adalah disediakan oleh pihak pengurusan ladang-ladang di bawah peraturan "Rump Labour Code" iaitu Undang-undang Buruh yang asal. Sebagai hospital persendirian, hospital-hospital ladang adalah tertakluk di bawah Akta Hospital Persendirian 1971. Akta ini memastikan bahawa hospital-hospital tersebut mematuhi perbekalan-perbekalan mengenai kemudahan dan tenaga pekerja yang bersesuaian untuk memberikan kemudahan perubatan yang sempurna.

Oleh itu adalah tidak perlu bagi Kementerian Kesihatan mengambil alih hospital-hospital ladang. Walau bagaimanapun, penduduk-penduduk ladang boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan Kerajaan yang kebanyakannya meliputi ladang-ladang yang ada sekarang.

AKAUN KERAJAAN PERSEKUTUAN—KELEWATAN

5. Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab mengapa kira-kira Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1977 dibentang empat tahun lewatnya, dan sama ada kira-kira yang begitu lapuk boleh digunakan untuk merancang dan mengkaji aktiviti-aktiviti Kerajaan di masa ini dan di masa hadapan, dan menyatakan sama ada kira-kira Kerajaan Persekutuan dapat dibentangkan, di masa hadapan, dalam tempoh enam bulan selepas tiap-tiap tahun fiskal.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, akaun Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1977 telah disampaikan kepada Ketua Odit Negara pada 21hb November, 1978. Akaun yang telah diodit telah diterbitkan pada 16hb Ogos, 1979 dan dibentangkan dalam Parlimen pada 11hb Disember, 1979. Oleh yang demikian akaun tersebut tidaklah diterbitkan empat tahun lewat sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Akaun itu adalah berguna dalam menunjukkan trend perbelanjaan bagi merancang aktiviti-aktiviti

Kerajaan bagi masa hadapan. Walau bagaimanapun, adalah perlu dinyatakan bahawa pengawasan dan perancangan aktiviti-aktiviti semasa dan yang akan datang tidaklah bergantung kepada penerbitan akaun tahunan itu. Pengawasan dan pengawalan perbelanjaan sesuatu tahun kewangan itu adalah kerap dijalankan berasingan, khususnya, melalui penyediaan akaun bulanan. Kerajaan akan berusaha untuk menerbitkan akaun yang telah diodit dalam jangkamasa yang sesingkat-singkatnya pada masa hadapan.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dapatkah Kementerian Kewangan menyatakan adakah cukup bilangan Juru-juru Odit kita di Malaysia ini?

Kedua, kalau tidak cukup, adakah pihak Kementerian berkenaan bercadang hendak menambah juru-juru Odit.

Kedua-dua soalan yang saya timbulkan kerana jawapan atas soalan asalnya kita dapati tahun 1977 belum selesai dan banyak saya dapati Badan-badan Berkanun Kerajaan yang lambat membuat laporan kerana oditnya belum siap dan tidak dapat disiapkan dalam jangka masa yang sepatutnya.

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, jawapan untuk soalan pertama, auditor adalah cukup. Seperti yang saya katakan tadi Kerajaan akan berusaha untuk menerbitkan akaun yang telah diodit dalam masa sesingkat-singkatnya pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini akaun Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1980 telahpun diodit oleh Ketua Odit Negara dan sedang diterbitkan.

Dato Haji Mohd. Nor Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada undang-undang mengatakan bahawa syarikat-syarikat di bawah Undang-undang syarikat, patutlah siapkan akaun-akaun mereka dalam masa 6 bulan daripada penutupan kira-kira mereka. Saya kurang pasti daripada penerangan Timbalan Menteri bahawa akaun tahun 1977 cuma disampaikan kepada juru

Odit Negara pada tahun 1978-12 bulan lebih kemudian. Lagi satu tahun atau dua tahun untuk diodit. Saya berharap Kerajaan mestilah memberi contoh yang baik kepada sektor-sektor swasta. dari itu saya ingin tahu bolehkah Kerajaan menyiapkan kira-kira yang sudah diodit dalam tempoh 6 bulan selepas penutupan kira-kira tersebut?

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa akaun Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1977 telah lewat dihantar kepada Ketua Odit Negara, walau bagaimanapun sejak tahun 1979 kelewatan ini tidak berlaku lagi memandangkan bahawa pejabat-pejabat Kerajaan telahpun digesa supaya mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Akta Odit 1957 supaya mengemukakan akaun-akaun mereka tidak lewat daripada 31hb Julai untuk menentukan bahawa kelewatan ini tidak berlaku pada masa-masa yang akan datang. Kementerian Kewangan akan mengeluarkan satu surat pekeliling yang berkuatkuasa pada tahun 1982 supaya seksyen 18, tatacara kewangan yang memperuntukkan tindakan tatatertib ke atas pegawai-pegawai yang berkuasa dipatuhi dengan sepenuh-penuhnya.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Perkara tahun 1977 ini telah dimaklumi ramai, orang tahu hal kelewatan kira-kira Kerajaan yang menyebabkan kebanyakan orang Ahli-ahli bijak pandai negeri ini bertanya mengapa sampai jadi begitu. Kemudian, apakah tindakan Kerajaan khususnya Kementerian yang berkenaan kepada perkara yang sangat serius macam ini kerana wang negara adalah satu perkara yang sangat penting, yang tidak boleh diabaikan. Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi akuan pada masa yang akan datang tidak akan berlaku lagi tetapi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apa tindakan Kerajaan kepada hal kelambatan yang telah berlaku pada tahun-tahun yang tersebut, apa tindakan telah dibuat. Pada pendapat saya, mesti tindakan tegas dibuat sebagaimana Perdana Menteri menegaskan tidak kira siapa, perkara yang tegas dalam negeri ini mesti dijalankan bagi

kebaikan negara kita sendiri. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan?

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu adalah sama juga dengan Yang Berhormat di belakang sana sudah dijawab.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, tidak sama. Saya kata tindakan tegas apa dibuat, tidak sama.

Dato Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi untuk menentukan bahawa kelewatan itu tidak berlaku pada masa-masa yang akan datang, Kementerian Kewangan akan mengeluarkan satu surat pekeliling yang berkuatkuasa pada tahun 1982 supaya Seksyen 18 Acara Kewangan yang memperuntukkan tindakan tahun gaji ke atas pegawai yang berkuasa dipatuhi dengan sepenuhnya.

POLITEKNIK UNGKU OMAR/

POLITEKNIK KUANTAN

6. Puan Ragayah binti Ariff minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian akan membina lagi politeknik-politeknik di negeri-negeri seperti Politeknik Ungku Omar dan Politeknik Kuantan untuk memberi lain peluang kepada pelajar-pelajar yang memiliki sijil SPM/MCE melanjutkan pelajaran mereka.

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, jawabnya ya. 5 buah lagi Politeknik telah dicadangkan akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Keempat iaitu mulai 1981-1985 seperti berikut:

- (a) Politeknik Alor Setar, Kedah;
- (b) Politeknik Kota Bharu, Kelantan;
- (c) Politeknik Batu Pahat, Johor;
- (d) Politeknik Kuala Lumpur, Gombak;
- (e) Politeknik Sarawak, Kuching.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya daripada 5 buah negeri yang akan diadakan politeknik itu, bagaimana pula untuk negeri-negeri yang

lain? Adakah rancangan Kementerian untuk menubuhkan politeknik yang serupa?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, bila kita sudah selesaikan pembinaan 5 buah politeknik yang disebutkan oleh saya tadi, negeri yang lain, jika ada, keperluan kita akan beri pertimbangan yang sewajarnya.

MAS—KELEWATAN PENERBANGAN

7. Datuk Ismail bin Hashim minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah sebab-sebab yang tertentu pesawat-pesawat Terbang (local flight) selalu lewat dari masa-masa yang dijadualkan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Pengangkutan, saya suka memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kelewatan penerbangan MAS dari masa-masa yang dijadualkan adalah disebabkan oleh keadaan-keadaan yang tidak dapat dielakkan seperti cuaca buruk, kesesakan lalu-lintas udara dan kerosakan pesawat. Sungguhpun begitu MAS sentiasa mengkaji dan mengikut dengan rapi keadaan ini serta berusaha dengan sepenuhnya untuk mengelakkan kelambatan ini.

Datuk Ismail bin Hashim: Soalan tambahan. Adakah benar masalah local flight digunakan satu-dua pesawat sahaja di mana itu yang menyebabkan kelewatan. Kalau tidak, berapa pesawat digunakan untuk local flight?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham tentang soalan itu sama ada kita menggunakan satu pesawat ataupun lebih, itu tertakluk kepada di mana pesawat itu terbang, dari mana ke mana oleh kerana ada kalanya dalam Malaysia ini ada lapangan terbang yang tidak dapat digunakan pesawat yang besar tetapi menggunakan pesawat kecil sahaja. Di mana ada satu tempat yang spesifik boleh saya jawab.

Datuk Ismail bin Hashim: Soalan tambahan. Berapa pesawat terbang

digunakan untuk local-flight, bolehkah Yang Berhormat Menteri beri tahu, berapa banyak satu atau dua digunakan untuk local flight.

Tan Sri Chong Nyan: Tuan Yang di-Pertua, local flight ini bermakna semua penerbangan dalam Malaysia ialah dianggap sebagai local flight, tetapi pesawat-pesawat itu selalu meronda daripada satu tempat ke satu tempat lain, tetapi local flight dia bukan sahaja misalnya pergi daripada Kuala Lumpur ke Melaka dan balik, tetapi dia buat satu round, itu yang saya tak dapat beri satu jawapan yang tepat.

Datuk Ismail bin Hashim: Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, berapa kapal terbang digunakan oleh MAS ini, untuk melaksanakan tugas ini berapa buah? Adakah digunakan satu daripada Kuala Lumpur ke Johor Bahru, kemudian daripada Johor Bahru ke Kota Bharu dan kemudian ke Alor Star. Adakah satu pesawat terbang sahaja?

Tan Sri Chong Nyan: Maaflah—ini oleh kerana ada beberapa jenis kapal terbang digunakan, ada B. 737 ada Fokker Friendship, ada Normal Islander dan DC 10. Jikalau hendak memberi satu persatu akan mengambil masa sedikit. Bolehkah saya hantar angka itu kepada Ahli Yang Berhormat itu?

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Soalan tambahan. Berhubung dengan kelewatan-kelewatan penerbangan dalam negeri ini memang selalu sangat dirungutkan oleh orang ramai, lebih-lebih lagi peniaga-peniaga yang hendak pergi ke Ipoh, Penang atau Kota Bharu kerana mesyuarat sekian-sekian masa kadang-kadang tergendala. Adakah pihak penerbangan atau Kementerian bercadang jika sekiranya ada kapal terbang yang rosak menggantikan kapal terbang yang lain, tidak sebagaimana sekarang nanti kapal terbang itu hendak dibaiki semula, kadangkala memakan masa satu-dua jam kadang-kadang dicancelkan terus penerbangan itu.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, inilah yang menyebabkan kelewatan oleh kerana jika misalnya sebuah pesawat

rosak di Kota Bharu hendak hantar satu pegawai yang lain ganti dari Kuala Lumpur akan mengambil masa juga dan ini akan melambatkan lain-lain tempat, ini macam merry-go-round (*Ketawa*). Jika lambat satu tempat, lain tempat akan lambat, tetapi walau bagaimanapun, pihak MAS akan menambah lagi pesawat-pesawatnya yang baru supaya memperbaiki lagi perkhidmatan MAS itu.

BAHASA MALAYSIA—SISTEM 3M

8. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan masa bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di Sekolah-sekolah Tamil dalam Sistem 3M yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, matlamat sistem 3M adalah untuk mengukuhkan kebolehan bahasa termasuk membaca dan menulis dalam bahasa penghantar sekolah kerana itu masa untuk bahasa Tamil sebagai bahasa penghantar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil diberi sebanyak 540 minit seminggu. Bahasa Malaysia akan mula diajar dari bulan Januari di tahun Satu di sekolah rendah dan diberi masa selama 240 minit seminggu. Bahasa Inggeris akan diajar seperti sekarang iaitu pada tahun Ketiga dan masa yang diberi adalah 60 minit pada tahun Ketiga dan 90 minit seminggu pada tahun Keempat, Kelima dan Keenam. Peruntukan masa bagi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris adalah sesuai bagi program yang dirangka untuk kurikulum baru sekolah rendah.

Tuan S. Subramaniam: soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, masa yang diuntukkan kepada bahasa Tamil di sekolah-sekolah Tamil pada masa sekarang walaupun masanya lebih dari apa yang dicadangkan dalam sistem 3M tetapi prestasi ataupun performance murid-murid dalam pelajaran dan peperiksaan tidak memuaskan. Jadi kalau masa dalam Bahasa Malaysia dikurangkan dalam cadangan 3M, ibubapa murid tidak puas hati oleh sebab performance murid-murid dalam Bahasa Malaysia akan jadi buruk lagi. Jadi mereka bukan sahaja tidak boleh mengikuti pelajaran apabila mereka sampai

ke Tingkatan I (Form I) mereka juga akan gagal dalam peperiksaan yang akan diadakan. Dalam beberapa seminar anjuran persatuan-persatuan yang ada minat dalam perkara ini telah membincangkan perkara ini dan juga membawa perkara ini kepada perhatian Kementerian. Adakah Kementerian akan mengkaji semula cadangan yang dibuat oleh Kementerian dalam sistem 3M ini untuk menambah masa Bahasa Kebangsaan?

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, konsep yang pertama sistem 3M atau kurikulum baru yang saya sebutkan dalam jawapan pokok saya iaitu untuk mengukuhkan kebolehan bahasa termasuklah membaca dan menulis. Jadi itulah satu konsep yang mustahak.

Jadi, sebenarnya dalam kurikulum baru sekolah rendah yang kita telah cadangkan ini, Bahasa Malaysia untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil ialah Darjah I dan II adalah melebihi apa yang ada sekarang. Sekarang cuma 180 minit tetapi dalam cadangan baru ini kita mengadakan 240 minit. Ini bermakna Darjah I dan II sudah meningkat kepada 60 minit iaitu 2 waktu, "two periods more". Dan Darjah III boleh dikatakan serupa 180 minit, jadi cuma Darjah IV, V dan VI kita kurangkan 20 minit sahaja kalau dibandingkan dengan apa yang ada sekarang.

Saya telah sebutkan tadi iaitu pada keseluruhannya konsep 3M atau kurikulum baru ini ialah untuk kita mengukuhkan kebolehan bahasa khususnya dalam Bahasa pengantar atau bahasa ibunda, seperti Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil—bahasa Tamil; Sekolah Jenis Kebangsaan Cina—bahasa Cina. Ini adalah konsep dan juga kita tidak dapatlah memandangkan kepada apa sistem yang kita ada sekarang dibandingkan dengan kurikulum baru ini oleh kerana seluruh konsep dan juga seluruh struktur kurikulum ini belum dapat dicuba dan juga dengan program-program dan masa yang telah ditetapkan itu untuk menyesuaikan program-program yang telah dirangka. Dan tentulah jikalau ada satu sistem atau cara baru untuk kita melaksanakan, tentulah ini kita dengan sepenuhnya memahami dengan

konsep dan juga program-program yang dapat dirancang untuk menyesuaikan dengan kurikulum baru itu. Ini saya fikir sangatlah mustahak bagi kita untuk memahaminya dan dengan ini kita ada keyakinan bahawa kurikulum baru ini tentulah akan dapat mengatasi beberapa perkara yang kita anggap ada kelemahan-kelemahan dalam sistem kita sekarang ini.

HARGA GETAH DAN KELAPA SAWIT

9. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan mengapa harga-harga getah dan kelapa sawit sekarang jatuh merosot sekali dan apakah tindakan Kementerian untuk memperbaiki keadaan ini.

Menteri Perusahaan Utama (Dato Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, kedudukan harga getah asli dan minyak kelapasawit adalah bergantung kepada permintaan dan penawaran ke atas bahan-bahan berkenaan di pasaran dunia. Pada amnya, keadaan kemerosotan ekonomi dunia yang dialami sekarang mengakibatkan kemerosotan harga getah. Walau bagaimanapun, harga minyak kelapa sawit mentah masih berada di peringkat yang lumayan. Untuk tempoh Januari hingga November tahun ini, harga tempatan minyak kelapa sawit mentah mencapai purata \$973.94¢ setan, yang melebihi harga purata bagi tahun lepas sebanyak \$916.31¢ setan.

Mengenai langkah-langkah yang diambil bagi memperbaiki kedudukan harga getah, Kementerian saya telah meminta badan-badan seperti MARDEC dan RISDA untuk membeli getah keping tidak berasap secara terus dari pekebun-pekebun kecil. Langkah demikian juga bertujuan menyediakan saluran pasaran kepada pekebun-pekebun kecil. Kementerian saya terus meningkatkan kecekapan pengeluaran getah asli kita, menggalakan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan, pemindahan teknologi, khususnya kepada sektor-sektor pekebun kecil yang tidak teratur dan pemerosesan tempatan. Kita juga telah menjalankan usaha-usaha bagi memperbaiki pasaran getah asli, dan mencari pasaran baru menerusi misi-

missi perdagangan dan ekonomi yang telah dan akan dihantar dari masa ke semasa keluar negeri. Kita telah menyemak dan memperbaiki langkah-langkah fizikal bagi meningkatkan lagi insentif dan pulangan kepada pengeluaran-pengeluar.

Di samping itu kita telah berjaya mewujudkan Perjanjian Getah Asli Antarabangsa. Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO) ialah Badan Antarabangsa yang bertanggungjawab melaksanakan Perjanjian Getah Asli Antarabangsa yang bertujuan untuk menstabilkan harga getah asli pada paras yang ekonomik kepada pengeluar-pengeluar dan adil kepada pengguna-pengguna. Penstabilan harga ini dicapai melalui operasi Stok Penimbal. Perjanjian Getah Asli Antarabangsa memperuntukkan Stok Penimbal sebanyak 400,000 tan setok biasa dan 150,000 tan setok kontingensi. Setok ini dibiayai melalui sumbangan 50-50 di antara pengeluar-pengeluar dan pengguna-pengguna Getah Asli. Perjanjian ini telah menubuhkan Harga Penunjuk Pasaran Harian iaitu harga harian getah RSS 1, RSS 3 dan ISR 20 di pasaran getah Kuala Lumpur, Singapura, London dan New York. Apabila purata bagi Harga Penunjuk Pasaran Harian bagi 5 hari bergerak jatuh ke paras di bawah 179 sen Singapura/Malaysia sekilogram Pengurus Stok Penimbal boleh membeli getah dari pasaran. Apabila harga turun di bawah paras 68 sen Singapura/Malaysia sekilo pengurus stok penimbal dimestikan membeli getah dari pasaran.

Memandangkan keadaan harga getah asli yang merosot sekarang INRO telah membuat panggilan pertama kepada Akaun Stok Penimbal sebanyak \$88 juta dari negara-negara ahli pada bulan Oktober tahun ini untuk membolehkan Pengurus Stok Penimbal membeli getah di pasaran.

Majlis Getah Asli Antarabangsa di dalam mesyuaratnya pada 17hb-20hb November tahun ini telah mengarahkan Pengurus Stok Penimbal supaya membeli getah dengan secara aktif dan lebih giat lagi dalam pasaran. Berikutan dengan campur tangan Pengurus Stok Penimbal INRO dalam pasaran getah, harga fizikal bagi getah asli bolehlah dikatakan berada dalam keadaan yang stabil.

Berikutan dengan itu dalam usaha meneruskan langkah-langkah supaya getah asli boleh distabilkan pada paras yang ditetapkan dalam Perjanjian, Pengarah Eksekutif INRO telahpun memanggil sumbangan kedua kepada Akaun Stok Penimbal berjumlah M\$200 juta dari negara-negara ahli pada 7hb Disember tahun ini.

Dengan penyertaan Malaysia dalam Perjanjian itu perbelanjaan yang besar bagi membiayai sekim Stok Penimbal untuk menstabilkan harga getah asli dunia adalah dibiayai bersama antara negara-negara pengeluaran dan negara-negara pengguna.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri ini terlampau rajin menulis sehingga begitu panjang jawapannya dan kadang-kadang saya pun tidak faham dengan soalan yang diminta, tetapi dengan suara lemak manis seronok juga kita mendengarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya satu. Sebenarnya satu kumpulan kepada orang-orang kampung pada masa sekarang disebabkan harga getah yang begini jatuh dan amat rumit sekali. Pada pandangan saya harga getah ini haruslah diambil daya utama yang paling serius sekali oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan ataupun seluruh Menteri Kabinet negara kita, sebab ini adalah punca kehidupan orang-orang yang amat menyedihkan, keadaan harga getah telah jatuh dan pada pandangan saya ramai orang kampung yang meninggalkan pokok getah ini walaupun di situ tempat ia hidup dengan harga yang begitu jatuh.

Jadi saya suka bertanya, yang penting sekali pada pendapat saya kejatuhan satu-satu benda di dalam dunia ini ada motif yang tertentu, begitu juga kenaikannya. Saya hendak bertanya, yang pertama, kalau dahulu harga getah ini naik sepadan dan berpatutan, tidak begitu mahal tetapi pada pendapat saya \$1 sekati saya rasa patut, dalam masa 5-6 bulan yang lampau kita dapati harganya \$1 sekati. Saya rasa kehidupan rakyat boleh tahan dan mereka boleh menjalankan terus perusahaan getah dalam negeri ini.

Saya suka bertanya, pada masa itu siapa jiran-jiran negeri kita di seluruh dunia baik di Eropah, Asia ataupun di lima benua ini, negeri mana yang banyak membeli dengan harga pasaran yang baik sebagai yang dahulu itu dan sekarang adakah negeri-negeri itu memboikot Malaysia, mereka tidak mahu beli, cakap sahaja secara diplomasi itu ini, mahu beli terlampau banyak tetapi sebenarnya itu adalah satu ikhtiar hendak melumpuhkan Malaysia. Dia tidak mahu beli dari negeri kita tetapi dia beli dari negeri lain.

Saya mendapat tahu dari sumber yang tidak pasti tetapi saya rasa betul, ada satu Kerajaan mengatakan dia boleh beli dari sini tetapi agaknya dia hendak ajar negeri ini, act sedikit negeri ini kata dia dan dia beli dari negeri lain. Ini satu punca kejatuhan. Lebih baik kita cakap terus terang, dalam keadaan dunia pada masa ini cakap terlampau diplomasi tidak ada gunanya, lebih baik terus terang sebagaimana yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri kita sendiri walaupun negeri lain terkejut dan mengatakan negeri kecil tetapi Perdana Menteri bercakap besar. Pada pendapat saya tidak; dalam abad yang kedua puluh kita mesti cabar terus terang, apa peduli besar, apa peduli kecil tetapi yang nyata, yang sebenar kita katakan. Jadi bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini sebab musabab Kerajaan yang dahulunya membeli banyak dengan harga yang tertentu tetapi sekarang dia tidak mahu beli? Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu berapa Kerajaan buat macam ini, tidak kira Amerika, Communist China, Russia atau siapa sahaja yang kita ada perhubungan berniaga getah tetapi sekarang mereka itu tidak mahu beli lagi, walaupun ada berbagai-bagai masalah mereka sendiri, itu soal lain, tetapi yang saya hendak tahu adakah Kerajaan-kerajaan yang hendak membeli getah itu sekarang tidak mahu beli lagi dan beli daripada negeri lain?

Yang kedua, adakah Yang Berhormat Menteri mengakui perkara ini sebenarnya berlaku kerana kelemahan-kelemahan kita sendiri?

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberi keterangan

yang lanjut berhubung dengan sebab-sebab yang menyebabkan harga bahan-bahan utama jatuh. Yang sebenarnya harga getah disebabkan oleh faktor-faktor seperti permintaan dan penawaran getah di pasaran dunia bukan di pasaran Malaysia sahaja. Kalau permintaan melebihi penawaran, harga getah akan naik dan sebaliknya harga turun. Pada tahun ini kita telah melihat kemelesetan ekonomi yang tidak baik di dunia, oleh sebab itu permintaan terhadap getah asli telah berkurangan dan ini menyebabkan kejatuhan harga getah di Malaysia dan di dunia. Walau bagaimanapun, kita boleh menstabilkan harga getah asli di pasarannya walaupun kita telah melihat kemelesetan ekonomi yang terdapat di dunia.

Pengurus Stok Penimbal telah membeli getah asli di pasaran-pasaran seperti Kuala Lumpur, Singapura, London dan New York supaya harga getah tidak boleh jatuh lagi. Oleh sebab itu saya boleh memberi jaminan di Dewan yang mulia ini bahawa kita boleh mendapat harga getah asli kepada paras yang ekonomik kerana kita telah mendapatkan Perjanjian Getah Asli untuk menstabilkan harganya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu telah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 19 adalah diberi di bawah ini).

KAMPUCHEA—TIGA GOLONGAN PENENTANG

10. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Luar Negeri menyatakan keputusan persidangan di antara tiga golongan penentangan Kampuchea yang bukan Komunis di atas untuk mengadakan suatu halaman depan bagi membuat suatu Kerajaan bersatu bagi mencapai keamanan dan kestabilan di kawasan ini.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Keputusan persidangan tiga penjurong oleh ketiga-tiga kumpulan penentang Regim Heng Samrin di Kampuchea adalah jelas terkandung seperti

dalam Kenyataan Bersama mereka di akhir persidangan itu diadakan. Di antaranya ialah:

- (i) Ketiga-tiga kumpulan tersebut telah bersetuju pada dasarnya untuk menubuhkan sebuah Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea dengan tujuan meneruskan perjuangan mereka untuk membebaskan Kampuchea dari cengkaman penceroboh Vietnam.
- (ii) Mereka juga bersetuju untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa bertindak untuk meneliti dasar-dasar dan bentuk serta matlamat Kerajaan Campuran yang akan ditubuhkan nanti.
- (iii) Mereka menyokong penuh "deklarasi" dan "Resolusi" Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea serta lain-lain resolusi Bangsa-bangsa Bersatu yang berkaitan dengan masalah di Kampuchea.
- (iv) Mereka merayu kepada negara-negara yang cintakan keamanan di seluruh dunia supaya memberikan sokongan penuh mereka terhadap "deklarasi" dan "Resolusi" Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea serta lain-lain resolusi Bangsa-bangsa Bersatu yang berkaitan dengan Kampuchea.
- (v) Mereka juga bersetuju bahawa semua kumpulan yang menentang Regim Heng Samrin dan Vietnam di Kampuchea, supaya mengelakan diri mereka dari sebarang pertikaian dan perbalahan yang boleh memecah-belahkan perjuangan asal mereka iaitu untuk membebaskan Kampuchea dari cengkaman penceroboh dari Vietnam.
- (vi) Mereka juga pada dasarnya bersetuju masing-masing mengelakan diri dari diketahui umum akan perbezaan pendapat yang berlaku semasa proses perbincangan diadakan.

DAGING LEMBU—PENGIRIMAN

11. Tuan Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pengiriman daging lembu yang dicampur dengan daging kuda dari Amerika, adakah pengiriman ini melibatkan Negara ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-haj): Kementerian saya tidak ada menerima sebarang maklumat mengenai adanya pengiriman daging lembu yang bercampur dengan daging kuda dari Amerika. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, negara ini memang ada mengimport daging lembu yang terdiri daripada bahagian-bahagian khas binatang tersebut dari Amerika Syarikat tetapi jumlahnya mengikut perangkaan adalah terlalu kecil. Hampir keseluruhan bekalan daging yang diimport ini adalah dibekalkan kepada hotel-hotel bertaraf antarabangsa di negara ini, manakala sebahagian kecil sahaja yang disalurkan pemasarannya di pasar-pasar raya di negara ini. Daging-daging dari Amerika ini tidak popular di kalangan pengguna-pengguna tempatan oleh kerana harganya adalah terlalu mahal dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat selanjutnya, dari siasatan yang dijalankan oleh pegawai-pegawai Kementerian saya terhadap pengimport-pengimport daging ini, menunjukkan bahawa belum pernah berlaku kejadian di mana bekalan daging lembu yang diterima bercampur dengan daging kuda.

PELABURAN ASING

12. Tuan Tan Chang Soong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah pelaburan asing yang telah dilaburkan dalam negara ini semenjak Jun 1981 dan sama ada beliau puashati dengan kadar pertambahan pelaburan asing berhubung dengan matlamat-matlamat Rancangan Malaysia Keempat.

Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-haj: Semenjak bulan Jun hingga September 1981, cadangan pelaburan asing dalam sektor perkilangan adalah lebih kurang \$849.0 juta. Jumlah ini melebihi pelaburan untuk

jangkamasa yang sama pada tahun 1980 dengan sebanyak \$550.1 juta atau lebih kurang 180%. Untuk memberi gambaran yang lebih jelas, jumlah pelaburan asing untuk jangkamasa 1hb Januari hingga 30hb September tahun ini ialah \$1237.0 juta berbanding dengan jumlah \$546.1 juta untuk jangkamasa yang sama bagi tahun yang lalu. Ini menunjukkan bahawa jumlah pelaburan asing telah meningkat dan melebihi jumlah bagi jangkamasa yang sama pada tahun lalu dengan sebanyak \$690.9 juta atau 126%.

Di bawah jangkamasa Rancangan Malaysia Keempat, pelaburan sektor swasta adalah dijangkakan tumbuh pada kadar 13.1% setahun mengikut harga-harga semasa (atau 8% setahun dalam kiraan sebenar). Semenjak bulan Januari, 1981, cadangan pelaburan asing dalam semua projek-projek yang diluluskan berjumlah lebih kurang 30.6% daripada jumlah pelaburan modal. Jika kadar ini dan kadar pertumbuhan dalam pelaburan asing berterusan, maka jumlah pelaburan akan bersesuaian dengan Dasar Ekonomi Baru dan matlamat-matlamat Rancangan Malaysia Keempat akan tercapai.

LEBUHRAYA KUALA LUMPUR-KARAK—TANAH RUNTUH

13. Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sebab-sebab mengapa tebing-tebing tinggi di kiri kanan Lebuhraya Karak tidak ditanam dengan rumput atau disimen untuk mencegah berlakunya tanah runtuh dan apakah rancangan Kementerian ini untuk mengatasi masalah ini bagi masa depan.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato S. Samy Vellu): Suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya memang sedar terdapatnya tanah runtuh di beberapa bahagian Lebuhraya Kuala Lumpur—Karak. Kementerian saya sebenarnya telah ada menanam rumput dan menyimen di tebing-tebing tinggi yang difikirkan perlu bagi mencegah berlakunya tanah runtuh. Kementerian saya juga ada membina longkang mengelilingi tepi potongan (catch drain) bagi tujuan yang sama.

Tindakan menanam rumput dan menyimen di tebing-tebing yang tinggi adalah bergantung kepada keadaan permukaan tanah dan juga jenis batu-batu di tebing-tebing tersebut. Adalah membazir dan memakan belanja yang besar bagi menanam rumput dan menyimen ke semua tebing-tebing tinggi di sepanjang Lebuh raya ini.

Untuk mengelakkan dari berlakunya tanah runtuh di masa hadapan, Kementerian saya akan sentiasa menyiasat dan menyelenggara permukaan di tebing-tebing tinggi tersebut.

HARGA BIJIH TIMAH

14. Tuan K. Kumaran minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) apakah kejayaan yang dicapai oleh Malaysia dan negara-negara pengeluar bijih timah semasa Persidangan Perjanjian Bijih Timah Antarabangsa di Kuala Lumpur baru-baru ini; dan
- (b) sebab-sebabnya Amerika Syarikat pada mulanya enggan menandatangani Perjanjian Bijih Timah Antarabangsa.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong):

- (a) Di Persidangan Suku Tahunan Majlis Timah Antarabangsa yang telah diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini, negara-negara pengeluar telah berjaya mendapatkan Majlis meningkatkan jarak harga setok penimbal sebanyak 6.85%. Kenaikan jarak harga ini juga membuktikan bahawa persefahaman dan semangat kerjasama di kalangan antarabangsa masih wujud, di samping membuktikan kejayaan dan kekesan Perjanjian Barangan.
- (b) Suka saya maklumkan bahawa Amerika Syarikat bukan sahaja pada mulanya enggan menandatangani Perjanjian Timah Antarabangsa Keenam tetapi negara tersebut telahpun mengumumkan bahawa ianya tidak akan menyertai Perjanjian tersebut.

Keputusan Amerika Syarikat ini adalah berasaskan pendiriannya bahawa Perjanjian barangan mestilah mengandungi unsur pasaran bebas. Berhubung dengan ini, negara tersebut telah tidak puas hati dengan beberapa peruntukan yang telahpun dipersetujui oleh sebilangan besar negara-negara yang mengambil bahagian di dalam persidangan perundingan yang telah diadakan di Geneva, terutama sekali yang berkaitan dengan saiz setok penimbal dan titik pengenaan kawalan eskport. Pada pandangan negara tersebut, saiz setok penimbal dan titik pengenaan kawalan eksport yang telah dipersetujui itu tidak memadai untuk membolehkan unsur-unsur pasaran memainkan peranan mereka.

Suka saya tegaskan di sini bahawa negara-negara pengeluar telah mencuba sedaya upaya untuk memenuhi kehendak-kehendak negara tersebut. Walau bagaimanapun, di dalam perkara ini, negara-negara pengeluar terpaksa memastikan bahawa kekesan Perjanjian ini tidak tergugat dan dengan yang demikian tidak dapat memenuhi sepenuhnya kehendak-kehendak negara tersebut.

DIPLOMAT ASING— KEGIATAN MENGINTIP

15. Tuan Haji Ibrahim Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan diplomat-diplomat negara mana yang telah menjalankan kegiatan mengintip dalam negara ini dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementeriannya terhadap diplomat-diplomat asing tersebut.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam): Setakat ini 3 orang pegawai diplomat Soviet telah didapati melibatkan diri mereka dengan kegiatan-kegiatan mengintip.

Saya suka tegaskan di sini bahawa Kerajaan sentiasa mengawasi kegiatan-kegiatan diplomat-diplomat asing yang bertugas di

negara ini supaya mereka tidak menjalankan kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan tugas mereka sebagai diplomat.

Kerajaan tidak teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana diplomat-diplomat asing yang menjalankan kegiatan yang mengancam keselamatan negara, sebagaimana Kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap 3 orang diplomat Soviet baru ini.

ASRAMA PENUNTUT-PENUNTUT MALAYSIA DI INDIA

16. Tuan M. Muthupalaniappan minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia menyediakan asrama bagi penuntut-penuntut kita di India. Jika tidak, bolehkah Kerajaan Malaysia menimbangkan pembinaan asrama-asrama di bandar-bandar utama India untuk penuntut-penuntut kita yang melanjutkan pelajaran tinggi di negara tersebut.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Pada masa sekarang ini tidak terdapat asrama-asrama yang disediakan oleh Kerajaan Malaysia bagi penuntut-penuntut Malaysia yang sedang melanjutkan pelajaran tinggi di India. Walau bagaimanapun, satu Jabatan Penuntut Luar Negeri telah ditubuhkan di India untuk menjaga kebajikan penuntut-penuntut dari segi sosial dan ekonomi. Jabatan tersebut terletak di Bangunan Kedutaan di New Delhi. Walau bagaimanapun, sekiranya jika diperlu, ada justifikasi yang menasabah untuk penubuhan asrama-asrama ia akan dipertimbangkan.

SYARIKAT PENERBANGAN BARU

17. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kementeriannya akan menubuhkan satu lagi Syarikat Penerbangan selain dari Syarikat Penerbangan MAS, memandangkan pengangkutan melalui penerbangan udara sangat menggalakkan.

Menteri Pengangkutan (Dato Lee San Choon): Kerajaan akan menimbang untuk membenarkan syarikat penerbangan baru menjalankan perkhidmatan dalam negeri bagi

sektor-sektor di mana MAS tidak mengadakan perkhidmatan sekarang ini, Kerajaan tidak menggalakkan penubuhan syarikat penerbangan baru bagi menjalankan perkhidmatan di sektor-sektor di mana MAS sedang menjalankan perkhidmatannya.

Pada masa ini selain daripada MAS, terdapat beberapa buah syarikat-syarikat penerbangan kecil yang telah diberi lesen oleh Kerajaan untuk menjalankan perkhidmatan udara tidak berjadual ke tempat-tempat yang tidak diliputi oleh perkhidmatan MAS. Syarikat-syarikat ini adalah digalakkan menjalankan perkhidmatan tersebut sebagai perkhidmatan yang 'complementary' kepada perkhidmatan MAS.

HARGA GETAH-PERANAN INRO

18. Datuk Ismail bin Hashim minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah peranan INRO dalam masalah kemerosotan harga getah di negara Malaysia sekarang.

Dato Paul Leong Khee Seong: Saya telahpun menjawab soalan seperti ini dalam jawapan saya di Dewan yang mulia ini tadi.

SUBSIDI BAJA KEPADA PETANI

19. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar terdapat lot-lot tanah sawah telah didirikan rumah-rumah, sedangkan para petani-petani berkenaan mendapat subsidi baja padi berdasarkan lot-lot tanah itu; jika sedar sama ada beliau akan bertindak memberhentikan pemberian baja itu kepada petani-petani berkenaan.

Menteri Pertanian (Dato Abdul Manan bin Othman): Setahu saya subsidi baja padi hanya diberi kepada petani-petani yang mengerjakan sawah mereka sahaja. Saya tidak sedar mengenai penyalahgunaan baja tersebut dan soal mengelakkan pembaziran wang adalah tidak timbul. Walau bagaimanapun, kiranya Yang Berhormat ada bukti-bukti yang tertentu silalah beri laporan supaya dapat pihak Kementerian mengambil tindakan yang sewajarnya.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1982

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (9hb Disember, 1981).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Fadzil bin Ahmad.

3.37 ptg.

Tuan Haji Fadzil bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Ahli yang tinggal dan datang dari salah sebuah pusat pelancungan di negara ini iaitu Pulau Langkawi ataupun yang terkenal Pulau Mahsuri, saya merasa amat bergembira kerana mengikut Belanjawan tahun ini peruntukan sebanyak \$31.6 juta telah diperuntukkan bagi menjalankan perindustrian pelancungan. Perindustrian pelancungan memang dapat menambahkan pendapatan negara dan rakyat dengan kedatangan ramai para pelancung dari luar negeri berbelanja di negara kita ini dan saya sedar kehadiran mereka itu adalah bertujuan untuk berehat-rehat sambil menikmati udara bersih dan pemandangan alam semula jadi ataupun alam yang indah. Di samping itu kita juga harus ingat bahawa ketika pelancung berada di satu-satu tempat yang mereka lawati mereka juga seringkali menghendaki buah tangan sebagai tanda kenang-kenangan yang berupa sentimental.

Oleh yang demikian, dalam konteks inilah saya hendak menarik perhatian Perbadanan Pelancungan Malaysia supaya dapat berikhtiar memperluaskan industri kecil-kecilan membuat benda-benda terutamanya yang berbentuk seni. Memang sudah terkenal di Pulau Langkawi banyak terdapat benda-benda semula jadi yang digunakan untuk dibuat berbagai-bagai gubahan dan alat untuk dijual kepada para pelancung. Antara bahan-bahan tersebut termasuklah rotan, buluh, kayu, akar, kulit

siput, karangan-karangan laut dan sebagainya. Bahan-bahan tersebut seandainya digubah, diukir dan diadun dalam bentuk seni sudah tentu dapat menarik perhatian pelancung dan membelinya.

Segala kos dapat pula menambah pendapatan orang tempatan. Tetapi masalahnya ialah penduduk tempatan buat masa ini amat berkurangan kemahiran dan daya creativity mereka sepertimana yang terdapat pada penduduk-penduduk di Pulau Bali, Jepun, Sumatra atau Korea. Oleh yang demikian melalui Dewan yang mulia ini inginlah saya merayu kepada pihak Perbadanan Pelancungan Malaysia dengan Kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ataupun Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar agar dapat berusaha memilih dan menghantar para belia dan beliawanis tempatan untuk belajar mendapatkan kemahiran dalam bidang perusahaan atau kesenian ini. Saya penuh keyakinan sekiranya usaha ini dapat dilaksanakan, insya Allah industri pelancongan akan bertambah maju dan dapat pula memberi sumber pendapatan yang lumayan kepada penduduk tempatan di samping membuka peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan ini juga izinkanlah saya menyentuh sedikit akan satu lagi Kementerian yang penting iaitu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Kita sedar Kementerian ini mempunyai tugas penting dalam usaha membawa kemakmuran kepada negara. Salah satu tugasnya ialah membawa dan memimpin bumiputra melibatkan diri dan berjaya di dalam dunia perniagaan. Berbagai jenis permit, bantuan dan bimbingan diberi dan akan terus diberi kepada para peniaga bumiputra. Walau bagaimanapun, masih lagi terdapat bumiputra yang telah menceburkan diri dalam perniagaan tetapi gagal. Ada lesen lori Permit A tidak dapat berjalan dan seterusnya diserahkan kepada orang lain. Ada projek pembinaan kadangkala terbengkalai. Pendek kata ramai yang menempuh kegagalan.

Dalam hal ini berbagai-bagai tohmah, cacian dan alasan diketengahkan. Banyak yang berkata bahawa orang Melayu itu lemah dalam dunia perniagaan. Adakah ini benar?

ramai lagi para X-Ray kita ditempatkan di hospital di seluruh negara ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu pihak Kerajaan memang berusaha mengambil langkah-langkah untuk tidak mengalakkan rakyat menghisap rokok melalui umpamanya kempen-kempen yang dibuat di TV, panggung-panggung wayang malah catatan di kotak rokok yang mengandungi amaran Kerajaan Malaysia akan bahaya merokok.

Syabas saya ucapkan, namun begitu mengikut pandangan saya kempen ini tidak dijalankan secara menyeluruh. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat masih ada lagi panggung-panggung wayang yang mengizinkan menghisap rokok di dalam panggung-panggung wayang. Perbuatan ini bukan sahaja mengganggu penglihatan penonton-penonton malahan memberi kesan terhadap kesihatan mereka. Saya menyeru kepada Kementerian Kesihatan supaya bertindak dan melaksanakan atau menguatkuasakan penagihan menghisab rokok ini di seluruh panggung wayang dan kalau boleh ianya hendaklah diperluas juga kepada kenderaan orang awam seperti bas.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh peranan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Dalam hubungan pembinaan kebudayaan negara Malaysia saya rasa peranan Kementerian ini dalam bidang membaiki dan membela kaum belia dalam bidang sukan amat menggalakkan. Banyak kejayaan sudah dicapai tetapi dalam bidang pembentukan kebudayaan nasional saya rasa kurang memuaskan dan masih jauh daripada mencapai matlamat yang dituju. Kita harus atau mesti sedar bahawa Kerajaan telahpun menerima syor di mana pembentukan kebudayaan nasional hendaklah berteraskan kebudayaan peribumi atau Melayu dan Islam.

Nampaknya pada akhir-akhir ini, Tuan Yang di-Pertua, ada suara-suara sumbang dari golongan bukan Melayu yang cuba mempertikaikan, atau dengan kata-kata lain, cuba memajukan unsur-unsur kebudayaan asing seperti Tarian Singa dijadikan Tarian Kebangsaan Malaysia. Begitu juga dengan pembinaan pintu gerbang bagi memisahkan

sempadan antara Wilayah Persekutuan dan Selangor terdapat kata-kata yang tidak enak kita dengar. Saya harap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hendaklah memperkuatkan dan tegas dalam pembentukan kebudayaan nasional ciri-ciri kehidupan peribumi hendaklah sentiasa dipupuk, diperkuatkan bukan sebaliknya diabaikan. Kementerian hendaklah melihat bahawa proses pemodenan di bandar-bandar tidak melibatkan terhapusnya ciri-ciri kehidupan kebumiputeraan.

Unsur-unsur budaya kuning yang negatif hendaklah disekat walaupun tidak terdaya dihapuskan. Pihak RTM yang menjadi media utama mencerminkan kebudayaan nasional hendaklah menyediakan rancangan-rancangan yang benar-benar menyatakan kehidupan dan kesenian kemelayuan. Apabila Kementerian Kebudayaan menjalankan kursus-kursus tarian asli misalnya hendaklah mencerminkan kelembutan dan kehalusan budibudaya orang Melayu bukan sebaliknya kerana dari apa yang dapat kita lihat tarian-tarian Melayu kini lebih merupakan tarian Barat sahaja dalam gerakgeri yang pantas, dengan kata lain tidak begitu menonjolkan lagi sifat-sifat keaslian.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Musa Hitam sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia sekarang berhubung dengan lawatan beliau ke Ibusawat Telekom baru-baru ini. Cadangan beliau untuk memecahkan monopoli pendawaian telefon untuk pelanggan-pelanggan kepada badan-badan yang berdaftar adalah satu langkah yang bijak bagi mengelakkan kelewatan pelaksanaannya memandangkan permohonan telefon yang kian meningkat.

Bersabit dengan perkara tersebut, Tuan Yang di-Pertua, saya pernah bersuara di dalam Dewan yang mulia ini pada satu ketika dahulu tentang giliran petugas-petugas telefon lelaki yang sepanjang perkhidmatan mereka adalah bertugas di waktu malam sahaja yang mana saya menyuarakan agar dapat kiranya giliran dengan telefonis perempuan. Saya mengucapkan syabas kepada Jabatan Perkhidmatan Awam kerana telah mengambil langkah segera mengeluarkan arahan di dalam

susun aturan petugas telefon lelaki dan perempuan digilir-gilir siang dan malam tetapi sayang, Tuan Yang di-Pertua, malang sekali; walaupun arahan tersebut telah dikeluarkan setahun lamanya sehingga kini atur susun tersebut belum dapat dilaksanakan. Saya bimbang tentang sikap dingin pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan arahan ini. Di manakah letaknya keikhlasan kepada lambang kata: 'Berkhidmat Untuk Negara' diikuti pula dengan ikrar 'Saya yang menurut perintah' dan dibuktikan pula dengan tandatangan pada setiap surat urusan rasmi pegawai-pegawai Kerajaan. Hal ini jika tidak banyak secebisupun sudah dapat kita gambarkan tentang kelonggaran, ketidaksungguhan pihak-pihak berkenaan menjalankan arahan pentadbiran jentera Kerajaan. Perkara ini tentu sekalilah bercanggah dengan cita-cita serta niat suci kedua-dua ketua pemimpin negara kita untuk melahirkan satu kumpulan jentera pentadbiran dan berkeupayaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengakhiri ucapan saya oleh kerana saya lebih banyak mengetahui alam sekitar negeri dan kawasan tempat saya, maka saya akan mengemukakan beberapa kepincangan dan masalah yang perlu diberi perhatian secara tindakan segera oleh pihak yang berkenaan untuk menjamin keselamatan lebih dari 5,000 orang nelayan di sekitar perairan sempadan Thai dan Langkawi.

Saya tidak nafikan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak memberi begitu perhatian yang cukup kepada nelayan-nelayan tersebut tetapi jaminan perlindungan keselamatan adalah diragukan. Buat masa kini hanya sebuah sahaja bot peronda polis laut yang ditempatkan di Langkawi bagi menjaga perairan sempadan yang begitu luas walaupun terdapat beberapa buah bot lagi kebanyakannya adalah out of order tersadai di tepi-tepi pantai.

Saya masih ingat lagi semasa lawatan Yang Berhormat Wakil Rakyat Parlimen Jerlun-Langkawi yang pada masa itu memegang jawatan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Beliau sendiri telah melihat dan membuat kenyataan yang mana beliau sendiri

akan keluar negeri untuk memesan spare parts bot-bot tersebut. Pada saya kenyataan beliau boleh ditafsirkan dengan beberapa pengertian:

- (1) Melambangkan kesungguhan serta rasa penuh tanggungjawab beliau terhadap jaminan keselamatan nelayan-nelayan;
- (2) Memberi erti ketidaksungguhan pihak-pihak berkenaan menjalankan fungsi; atau
- (3) Untuk menggerakkan pihak-pihak berkenaan supaya menjalankan tugas dengan segera.

Walau apapun, Tuan Yang di-Pertua, saya mohonlah lagi sekali jasa bakti Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan peruntukan Belanjawan negara pada tahun 1982 ini supaya dapat menambahkan lagi bilangan bot-bot peronda laju khususnya di kawasan Langkawi.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya dan pada akhirnya saya memberi sepenuh-penuh sokongan di atas Belanjawan Negara bagi tahun 1982 sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan Malaysia pada 9-12-1981.

4.10 ptg.

Puan Rahmah binti Othman: Bismillahirrah mani-rrahim. Tuan Yang di-Pertua, jelaslah kepada kita semua bahawa Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita telah disambut baik oleh rakyat. Belanjawan ini yang merupakan satu Belanjawan yang begitu berani sekali memandangkan kepada tekanan inflasi yang berat dan keadaan ekonomi antarabangsa yang buruk dan ianya tidak mengenakan apa-apa cukai bertentangan dengan sebagaimana yang diramalkan oleh orang ramai.

Saya mengucapkan tahniah kepada kedua-dua pemimpin negara kita yang baharu iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamed dan Yang Amat Berhormat Dato' Musa Hitam serta Menteri-menteri Kabinet lain yang berani dan bertanggungjawab menyusun dan membentangkan satu Belanjawan yang dapat

dirasai nikmatnya oleh rakyat sebelum tahun 1982.

Rakyat mesti memahami bahawa ekonomi Malaysia masih terus menunjukkan prestasi yang baik biar pun ekonomi negara-negara perindustrian utama semakin meleset. Kita patut mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Menteri Kewangan yang telah dapat memikirkan pada kali ini satu Belanjawan bagi tahun 1982 bukan sahaja tidak mengenakan sebarang cukai seperti yang diramalkan bahkan mengurung demi menghapuskan setengah dari cukai import dan cukai jualan kepada beberapa barang pengguna. Penghapusan cukai-cukai itu disambut baik oleh masyarakat dan ini saya rasa akan mengurangkan bilangan penduduk negara ini untuk berhijrah ke negeri jiran untuk membeli belah.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian Kerajaan lebih kurang 48% daripada jumlah penduduk tahun 1976 adalah mereka yang berpendapatan rendah iaitu kurang daripada \$500 sebulan. Kalau kita lihat keadaan keseluruhannya kemiskinan telah jatuh jika dibandingkan pada tahun 1970 sebanyak 68% kepada 48% dalam tahun 1980. Walaupun demikian, garis kemiskinan kita jika dibandingkan dengan taraf kemiskinan antarabangsa jelas menunjukkan masih kurang, tetapi isu ini akan terus wujud jika tindakan yang sewajarnya tidak diambil.

Saya amat tertarik kepada jumlah perbelanjaan Pembangunan yang mana keutamaan yang paling tinggi diberi kepada sektor ekonomi. Peruntukan bagi sektor ini berjumlah \$6,640 juta atau lebih kurang 45.4% dari jumlah perbelanjaan pembangunan 1982. Dari itu lebih kurang \$180 juta akan disediakan untuk baja dan lain-lain input bagi menambah hasil-hasil pertanian yang akan membolehkan kira-kira 300,000 petani mengeluarkan penghasilan dari kira-kira 1,260,000 ekar tanah.

Dalam perkara ini saya ingin menarik perhatian bahawa semenjak Kerajaan melancarkan projek rancangan pembangunan luar bandar untuk membangunkan kawasan-kawasan luar bandar bagi membasmi kemiskinan, usaha-usaha sudah banyak dan sudah tidak terkira lagi. Berbagai rancangan

telah diadakan tetapi setiap kali Belanjawan dibentangkan di dalam Dewan perkara ini masih timbul dan ia tidaklah pula senang untuk dihapuskan. Dari itu iaitu jumlah \$180 juta yang disediakan dalam Belanjawan tahun 1982 ini untuk membeli baja sudah tentu jika dirancang dengan baik dan teratur akan mendatangkan hasil yang lumayan. Di sinilah perlu peranan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan. Unit-unit ini pada pandangan saya sebaik-baiknya diadakan di setiap negeri terutama negeri-negeri pertanian, negeri-negeri yang kurang maju bagi tujuan untuk merancang kegunaan sumber wang yang begitu banyak dan kemudian membuat penilaian sejauh mana kejayaan strategi atau rancangan itu telah berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai tahap yang diharapkan dari wang sejumlah \$180 juta itu usaha-usaha perlu dipergiatkan lagi dalam bidang pengurusan supaya hasilnya dapat dirasai oleh rakyat dari semua peringkat khususnya dari golongan yang miskin. Pengurusan yang jujur dan dedikasi juga amatlah diperlukan supaya dalam usaha mengagih-agihkan baja dan sebagainya biarlah benar-benar sampai ke matlamat yang dituju.

Dalam perkara ini juga saya ingin mencadangkan agar pembangunan dari segi perumahan, perkilangan dan lain-lain industri tidak ditempatkan di bandar-bandar sahaja. Kerajaan hendaklah berusaha dalam tahun-tahun akan datang sebaik-baiknya dalam masa melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat program infrastruktur seperti kemudahan-kemudahan awam di kawasan-kawasan luar bandar agar jangan ramai belia-belita kita berhijrah ke bandar-bandar untuk mencari nafkah kehidupan. Kerajaan hendaklah menambah bekalan elektrik, air dan kemudahan-kemudahan lain supaya perindustrian dapat memasuki ke kawasan-kawasan luar bandar dan dengan cara ini mungkin tenaga pekerja muda dapat ditempatkan di kawasan-kawasan tersebut. Latihan kemahiran juga perlu diadakan, perlu diperbanyakkan lagi kepada belia-belita kita di luar bandar supaya tidak mereka meninggalkan kampung halaman.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berkenaan dengan kejujuran dan dedikasi dalam satu-satu kerja itu, saya ingin menyentuh berkenaan dengan keinginan Kerajaan mempercepatkan lagi projek pengurusan dan accountability dan keseluruhan pelaksanaan rancangan pembangunannya. Pegawai-pegawai Kerajaan hendaklah dikenalkan dengan secara lebih dekat lagi fahaman ataupun konsep accountability ini kerana dengan kurangnya fahaman ini mengakibatkan kerugian yang amat besar kepada Kerajaan. Misalnya kerana kecuaiian atau kelemahan pengurusan dalam badan-badan awam dan anak-anak syarikatnya telah kerugian kepada Kerajaan dan akhir-akhir ini, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah menjadi satu gossip di kalangan masyarakat apabila Ketua Odit Negara mengexposekan kelemahan, kerugian, kecuaiian dalam pentadbiran institusi-institusi awam, jabatan-jabatan Kerajaan dan sebagainya.

Satu contoh yang baik ialah di mana Kerajaan terpaksa menutup beberapa projek rancangan pembangunan negeri-negeri di beberapa buah negeri. Ini adalah disebabkan para pegawai di badan-badan tersebut kurang cekap menguruskan kewangan dan perancangan kegiatan projek-projek di situ. Saya berharap jika Kerajaan ingin membaiki jentera pengurusan dan pentadbirannya maka saya menyeru kepada Jabatan Perkhidmatan Awam agar menguatkan usaha-usaha menambah banyakkannya lagi kakitangan dan pegawai yang betul-betul dedikasi, jujur dan bertanggungjawab pada segala tugas yang diamanahkan kepada mereka itu, di samping itu Kerajaan hendaklah juga memberi latihan yang cukup.

Masyarakat umum tidak dapat melupakan pendedahan yang dibuat oleh Ketua Odit Negara yang mengatakan dalam laporan auditnya berhubung dengan kontrak "mee segera" untuk Angkatan Tentera dalam tahun 1977 dan 1978 di mana ditetapkan sekadar \$4.90 dan \$3.90 satu bungkus sedangkan harga purata kontrak adalah lebih kurang 14 sen sebungkus di sini dan melibatkan kerugian wang awam sebanyak \$962,000. Saya memandang berat perkara ini oleh kerana nila setitik rosak susu sebelanga dan hari ini

agak sukar bagi kami untuk memulihkan kepercayaan rakyat terhadap pegawai-pegawai di pejabat-pejabat ataupun di Kementerian-kementerian yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas kepada kedua pucuk pimpinan kita, iaitu Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang sentiasa bersikap tegas yang inginkan kepada satu pentadbiran yang jujur dan berdisiplin dan berani bertindak menutup beberapa buah anak syarikat kepunyaan SEDC Negeri-negeri kerana kalau ianya ditubuhkan hanya untuk nama sahaja tetapi tidak bergerak dan kalau bergerak pula merugikan wang rakyat eloklah ditutup dan begitu juga memberhentikannya mereka yang didapati menyalahgunakan kuasa atau yang menyeleweng dari tanggungjawab mereka.

Saya berharap Jabatan Perkhidmatan Awam mengadakan juga Akauntan-akauntan dan Juruodit-juruodit yang ditempatkan dalam setiap Jabatan dan Kementerian supaya dengan cara ini tidak membebankan Jabatan Juru Odit dan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan dengan cara ini tidaklah lambat laporan kewangan seperti yang terdapat pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini saya ingin menyentuh berkenaan dengan hasrat Kerajaan hendak mewujudkan satu perkhidmatan Kerajaan yang bersih, cekap dan licin dengan menggunakan sistem "Punch Card". Ini bukan bermakna bahawa semua pegawai Kerajaan itu tidak bertanggungjawab di masa-masa yang lalu tetapi inilah harga yang dibayar oleh mereka yang tidak terlibat oleh kerana ada segolongan pegawai-pegawai yang cuai dan tidak bertanggungjawab di masa lalu. Perkara ini, perkara kecuaiian pegawai-pegawai Kerajaan yang saya maksudkan pernah disebut berkali-kali di dalam soalan-soalan dan di dalam perbahasan di dalam Dewan yang mulia ini. Apa yang saya harapkan kepada Kerajaan setelah menggunakan sistem ini dapatlah juga diadakan satu orientasi dari masa ke masa kepada kakitangan pejabat agar mereka tidak mengabaikan tanggungjawab mereka dalam masa waktu 8.00 pagi hingga 4.15 petang dan orientasi itu bertujuan untuk mengubah sikap

indah tak indah, acuh tak acuh kepada tugas negara, terutama dalam usaha Kerajaan untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat dalam jangka masa yang dikehendaki. Di samping itu saya berharap Kerajaan tidak pula menghapuskan sistem "Khidmat Cemerlang" kerana kepada saya sistem ini adalah sebagai satu insentif kepada kakitangan yang betul-betul dedikasi, yang betul-betul datang pukul 7.30 pagi balik 6.30 petang kadang-kadang macam yang ada dalam Dewan ini yang menunggu Wakil-wakil Rakyat, Ahli-ahli Dewan balik kadang-kadang sampai pukul 10.00 malam. Mereka ini adalah mereka yang bertanggungjawab, yang berdisiplin, bekerja dengan penuh dedikasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini berhubung dengan melancarkan satu kempen terhadap memerangi rasuah dan akan mengubah nama Biro Siasatan Negara kepada Badan Pencegah Rasuah. Perkara ini saya rasa disambut baik oleh rakyat keseluruhannya dan berharap Badan ini dapat meningkatkan prestasinya dengan melengkapkan dengan pegawai-pegawai yang benar-benar berkelayakan dan tidak pula boleh dibeli oleh sesiapa pun. Pegawai-pegawai ini hendaklah dihantar mengikuti latihan-latihan tertentu, misalnya, di bidang keselamatan, di bidang cara-cara untuk membuat laporan dan temuduga-temuduga (interview) kepada yang menjadi perasuah dan juga memberi ajaran agama sebagai asas supaya tidak dapat dipengaruhi oleh orang lain dalam masa bertugas dan di luar masa bertugas. Badan ini hendaklah mengadakan kempen kesedaran, misalnya, "Rasuah itu bahaya kepada masyarakat" kerana dengan cara kempen-kempen ini sahaja dapat, dengan izin, create awareness di kalangan masyarakat bahayanya rasuah, bahayanya orang yang tahu seseorang itu terlibat dalam rasuah dan tidak memberi maklumat itu kepada pihak yang berkenaan. Badan ini juga hendaklah meluaskan penyiasatan mereka kepada siapa sahaja yang terlibat, tak kira orang kecil atau orang besar, orang kaya atau orang miskin dan tidak akan mewujudkan diskriminasi dan saya harap penyiasatan itu diperluaskan kepada kes-kes jenayah dan sindiket-sindiket perumahan

yang tersibar luas pada hari ini dan bank-bank yang menyeleweng.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Dua peristiwa yang berlaku yang tidak dapat saya lupakan ialah sekembalinya Perdana Menteri, kita dari bercuti rihat dari Sepanyol dan sekembalinya Yang Amat Berhormat Dato' Musa Hitam dari Sabah baru-baru ini. Kedua-dua mereka telah mengeluarkan wang sendiri membayar cukai kepada barang-barang yang mereka beli semasa berada di luar negeri. Saya berharap kepada semua peringkat masyarakat, sama ada ianya Menteri, ianya Ahli Dewan Negara, ianya Ahli-ahli Yang Berhormat yang membuat lawatan ke luar negeri ataupun Pegawai-pegawai Tinggi atau orang biasa bersikap jujur dan bertanggungjawab kepada undang-undang yang kita buat sendiri seperti contoh yang dibuat oleh kedua pemimpin kita yang saya sebutkan tadi. Kepada Pegawai-pegawai Kastam di lapangan terbang hendaklah menjalankan tugas mereka tanpa memandang pangkat orang yang berada di hadapannya itu. Apa yang menjadi perbualan hari ini adalah sikap Pegawai Kastam yang ada di lapangan terbang itu yang kononnya memilih orang yang hendak dicukai. Kalau misalnya orang itu seorang Menteri ataupun dia seorang Wakil Rakyat yang membawa barang-barang balik dari jauh dengan harga yang beribu-ribu ringgit kononnya, tidak dikenakan sebarang cukai. Ini adalah satu perkara atau perbuatan yang saya rasa tidak dapat dimaafkan kerana inilah hasrat yang dikehendaki oleh kedua pemimpin kita yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari sebelum Belanjawan ini dibentangkan dalam Dewan Rakyat dan di Dewan ini, masyarakat atau rakyat berasa agak takut kerana ada segolongan masyarakat yang membuat dan menyebarkan ramalan yang negatif yang mengatakan bahawa Belanjawan 1982 akan dibentangkan dengan menaikkan cukai pendapatan dan cukai barang-barang keperluan dan ada yang mengatakan pula bahawa Kerajaan kita sudah tidak mempunyai wang kerana berhutang terlalu banyak dari luar negeri dan akan mengenakan berbagai

cukai. Dan begitu juga dari parti-parti pembangkang telah menaburkan fitnah bahawa Belanjawan 1982 ini adalah untuk memancing undi kerana kononnya pilihanraya sudah dekat. Alhamdulillah, hari ini sedarlah saya berharap mereka sedar semua bahawa ramalan yang mereka dengar itu belumpun sampai pada masanya iaitu tahun 1982 mereka telah dapat menikmati kerana bukan sahaja cukai import dikecualikan bahkan ada beberapa cukai barang-barang keperluan telah dimansuhkan sama sekali.

Kita perlu memberikan pujian kepada Menteri Kewangan khususnya dan pegawai-pegawai di Kementerian Kewangan yang telah dapat mengemukakan satu Belanjawan yang begini realistik dan yang membolehkan rakyat Malaysia menikmati rasa lega.

Jika kita lihat halaman 21 Economic Report 1981/1982 dan kalau kita buat perbandingan situasi ekonomi oleh negara-negara OECD, USA, Jepun dan lain-lain dari segi pertumbuhan ekonomi, inflasi, pengangguran dan sebagainya, Malaysia mempunyai satu rekod yang boleh dibanggakan. Pada masa ini, cuba kita lihat inflasi di Amerika dan Great Britain kadar inflasi mereka melambung tinggi. Begitu juga dari segi penganggurannya sedangkan pertumbuhan ekonominya meleset.

Cuba kita lihat pula kepada Harga Tunjuk Pengguna (Consumer Price Index) kalau dibandingkan dengan negara-negara yang membangun atau dalam OECD. Malaysia hanya sekadar dianggarkan 9.6% dan juga kadar pekerjaan sudah meningkat 3.2%. Oleh itu, saya berharap Kerajaan dapat memberikan maklumat-maklumat yang penting yang tertulis di dalam Belanjawan 1982 ini disebarkan kepada orang ramai melalui semua media am, terutama kepada masyarakat luar bandar, misalnya, barang-barang yang dicukai dan yang tidak dicukai dan yang telah dihapuskan cukai serta maklumat pembangunan yang penting.

Pihak penguatkuasa dari Kementerian berkenaan perlulah bertindak tegas dari semasa ke semasa memastikan agar barang-barang yang sudah dimansuhkan cukai itu tidak menunjukkan harga yang lama dan

sebagainya. Kerajaan harus menggalakkan rakyat supaya menyimpan wang mereka sebagai satu cara mengatasi inflasi. Apalah gunanya kemajuan kalau dibandingkan dengan membelanjakan wang dengan sewenang-wenangnya. Ini tidak akan dapat mengurangkan inflasi sama sekali.

Dalam peruntukan sektor sosial pula yang berjumlah sebanyak \$8,280.2 juta; sebanyak \$4,950.3 juta adalah untuk pengurusan, sementara bakinya sebanyak \$3,331.9 juta adalah dianggarkan untuk Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, sebahagian besar adalah untuk pelajaran, diikuti dengan perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, anggaran perbelanjaan untuk perumahan adalah dengan tujuan untuk mencapai matlamat pembinaan rumah kos rendah sebanyak 49,600 unit bagi tahun 1982. Saya mengalu-alukan hasrat Kerajaan hendak membina rumah kos rendah ini. Peruntukan yang besar ini mungkin adalah satu langkah ke arah menyelesaikan sebahagian dari masalah perumahan. Masalah rumah kos rendah telah berkali-kali dibangkitkan rakyat yang berpendapatan kurang dari \$500 sebulan yang jumlahnya berpuluh ribu, jika dilihat di sekitar Wilayah Persekutuan inipun yang sentiasa membuat permohonan, kadang-kadang ada di antara mereka yang sudah bosan untuk membuat permohonan mengisi borang demi borang tetapi rumah kos rendah tak juga dapat. Ini menimbulkan masalah kepada pemimpin-pemimpin kerdil seperti kami yang ada di Wilayah ini serupalah dengan rakan saya—Yang Berhormat Senator Abdul Razak untungnya beliau sudah menjadi tokeh perumahan. Kerajaan hendaklah membuat kajian yang mendalam di seluruh negara bagi mengetahui jumlah sebenar rumah kos rendah yang diperlukan kerana pada pendapat saya jumlah 49,600 unit yang telah disebutkan dalam Belanjawan 1982 adalah satu angka yang tidak menasabah. Tetapi saya sendiri hairan setiap kali, setiap projek perumahan dijalankan di mana-mana sahaja ada memperuntukkan beberapa peratus unit rumah kos rendah tetapi yang memohon masih banyak lagi. Boleh dikatakan kalau saya lihat di dalam Wilayah Persekutuan ini tidak kurang daripada 50 projek

perumahan dan projek-projek perumahan itu telah menyediakan beberapa peratus untuk rumah kos rendah. Saya ingin mendapat penjelasan adakah ini kerana harga rumah kos rendah ini satu harga yang tidak dapat dipenuhi oleh mereka yang berpendapatan kurang daripada \$500 sebulan? Saya ingin mendapat penjelasan dalam perkara ini.

Saya ingin membuat contoh di sini, misalnya, Kerajaan Negeri Selangor telah menetapkan target iaitu dalam Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985) telah menyediakan 150,000 unit rumah yang akan dibina 60,000 unit iaitu 40% daripada jumlah rumah yang saya sebutkan tadi adalah rumah kos rendah. Begitu juga SEDC Selangor pada mulanya telah merancang mendirikan 30,000 unit dan jumlah ini telah digandakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dalam 10 tahun yang lalu (1970-1980) SEDC Selangor telah menyediakan 19,913 unit rumah termasuk 12,395 rumah kos rendah iaitu 62% dari jumlah semuanya. Ini menunjukkan bahawa sudah banyak; maknanya rumah kos rendah dibina tetapi masih lagi tak cukup. Apakah sebabnya? Adakah peruntukan yang akan membiayai 49,600 unit rumah kos rendah dalam Belanjawan 1982 ini akan menyelesaikan masalah ini? Saya ingin mendapat penjelasan supaya dalam perbincangan-perbincangan yang akan timbul nanti kita dapat memberi satu pandangan yang lebih baik lagi. Di samping itu saya harap kepada Kerajaan dan Kementerian berkenaan mengkaji semula dasar meminta bank-bank memberikan keutamaan kepada peminjam-peminjam yang hanya melebihi \$100,000 kerana ini akan membebankan rakyat iaitu orang-orang miskin.

Kalau saya buat perhitungan, Tuan Yang di-Pertua, orang yang ada kebolehan untuk mengambil pinjaman \$100,000 ke atas itu dari bank adalah orang yang mendapat pendapatannya lebih daripada \$800. Dan baru-baru ini di dalam akhbar kita telah melihat satu kenyataan yang dibuat oleh bank tempatan mengatakan jika seseorang itu mendapat \$3,000 sebulan pun belum tentu boleh dapat membeli sebuah rumah. Dengan yang demikian, bagaimanakah cara kita menyelesaikan masalah ini kerana sudah diadakan di dalam Belanjawan 1982 ini dan

saya tidak mahu melihat sekali lagi kita gagal dalam usaha untuk memberi tempat atau rumah kepada orang-orang miskin.

Akhir sekali, saya mengalu-alukan usaha Kerajaan memberi potongan dua kali bersabit dengan cukai pendapatan atas gaji yang ditanggung oleh majikan dalam pengambilan kerja orang-orang cacat. Semua kelengkapan dan alat-alat khusus untuk kegunaan orang-orang cacat dikecualikan dari duti kastam dan menghapuskan cukai tokok dan cukai jualan bagi alat-alat kegunaan itu. Ini amatlah menggalakkan terutama kepada majikan-majikan yang pada masa-masa yang lalu amat kurang memberi perhatian kepada pengambilan pekerja-pekerja orang-orang cacat kerana kononnya memandangkan kepada kecacatan mereka itu productivity berkurangan.

Saya berharap Kerajaan dapat berusaha mengarahkan pihak-pihak majikan di dalam sektor awam dan swasta sekarang dengan adanya insentif seperti ini tidak teragak-agak mengambil orang-orang cacat sebagai pekerja di tempat-tempat itu. Sekian, terima kasih.

4.42 ptg.

Tuan K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan baru-baru ini. Terlebih dahulu, saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan atas Belanjawan yang berani dan penuh keyakinan itu, yang tidak membebankan rakyat. Saya percaya strategi-strategi belanja yang realistik ini akan menghadkan kadar inflasi, lalu mengeratkan lagi pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan keadaan kemiskinan.

Belanjawan yang dibentangkan ini adalah merupakan belanjawan yang pertama bagi Perdana Menteri yang keempat, yang mempunyai style yang tersendiri di dalam menjalankan pemerintahan negara ini dengan 'no nonsense approach' agar dapat beliau berkhidmat dengan jujur dan ikhlas sebagaimana yang diharapkan oleh rakyat. Justru itu, belanjawan yang realistik ini telah menambahkan satu lagi 'feather to his cap'.

Tuan Yang di-Pertua, strategi Belanjawan tahun 1982 bertujuan untuk:

- (a) mengutamakan perkembangan aktiviti-aktiviti ekonomi dalam negeri supaya pertumbuhan yang lebih tinggi dapat dicapai.
- (b) memperhebatkan usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan, terutama sekali, di kawasan-kawasan yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi.
- (c) membendung inflasi dalam negeri.
- (d) mengambil tindakan untuk menguatkan imbalan pembayaran negara.

Untuk mengutamakan pembangunan aktiviti ekonomi, beberapa proses bagi melicinkan dan menyusun semula galakan-galakan cukai telah diumumkan. Faedah dan langkah-langkah galakan cukai memberi kesan secara langsung dan segera kepada masyarakat bandar. Pengecualian cukai ke atas kamera, jam, jam tangan, pen, pemetik api dan lain-lain barang kegunaan tidak akan memberi makna yang besar kepada rakyat, yang masih hidup dalam kemiskinan, terutama sekali, rakyat luar bandar amnya dan penduduk-penduduk ladang khususnya. Saya harap barang-barang kegunaan rakyat miskin jika dapat diberi pertimbangan bagi dikecualikan dari cukai dalam masa yang akan datang.

Saya berpendapat banyak lagi yang perlu dilakukan bagi meninggikan taraf hidup dan pendapatan mereka yang kurang bernasib baik itu. Kemudahan-kemudahan fizikal seperti rumah, dan infrastruktur seperti jalanraya, air, elektrik dan lain-lain kemudahan sosial hendaklah diperhebatkan lagi di ladang-ladang getah dan kawasan-kawasan terpencil agar dapat rakyat menikmati perkembangan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, semasa merancang Rancangan Malaysia Keempat Kerajaan telah menggunakan suatu yardstick sementara untuk mengidentifikasikan golongan yang miskin dan golongan yang hidup di bawah paras kemiskinan (hard-core poverty). Semasa itu harga tetap telah digunakan sebagai asas penentuan fenomena ini. Justru

itu, pekebun-pekebun kecil dan penduduk-penduduk ladang dianggap sebagai golongan yang miskin. Tetapi kini, asas seperti ini tidaklah menasabah dan tidak kukuh untuk membuat suatu perangkaan mengenai kemiskinan. Dengan penurunan harga getah mereka sedang hidup di bawah paras kemiskinan.

Kemelesetan ekonomi dan inflasi yang berlarutan di seluruh dunia telah melemahkan ekonomi Malaysia. Bahan-bahan mentah pengeluaran negara ini seperti getah, bijih timah, kelapa sawit, kayu-kayuan semuanya tidak mendapat harga yang tinggi di pasaran dunia.

Kekurangan harga bahan-bahan mentah ini telah merumitkan pendapatan pekerja-pekerja yang mengeluarkan bahan-bahan ini terutama sekali getah. Pekerja-pekerja ladang tidak mendapat pendapatan yang setimbang dengan usaha dan tenaga mereka sebagai penguasa hasil utama negara ini. Apabila harga getah meleset, pekerja-pekerja mendapat pendapatan yang rendah. Lalu pekerja-pekerja tidak gemar atau ingin bekerja di ladang-ladang dan berhijrah ke bandar untuk mencari nafkah yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah membawa beberapa perkara bersangkutan dengan kekurangan tenaga di ladang-ladang getah dalam Dewan yang mulia ini pada sidang-sidang yang lampau. Pekerja-pekerja haram yang diimpot oleh sindiket-sindiket tertentu telah banyak terlibat dalam jenayah di negara ini. Saya khawatir jika keadaan ini dibenarkan berterusan musuh-musuh negara akan mengambil kesempatan untuk mencabuli negara ini dan melemahkan semangat rakyat Malaysia. Usaha utama Kerajaan hendaklah menstabilkan harga getah di pasaran dunia kepada paras yang tinggi. Malaysia sebagai pengeluar getah yang terbesar di dunia hendaklah mengambil inisiatif dan usaha untuk mengikuti semua negara-negara pengeluar getah di dunia supaya membuat peraturan penjualan yang lebih memuaskan dan menjamin paras harga yang tinggi seperti yang dibuat oleh negara-negara OPEC bagi pengeluaran minyak. Kerajaan hendaklah menghadkan pengeluaran jika perlu untuk memastikan paras harga yang tinggi, tetapi

saya merayu tindakan menghadkan pengeluaran ini janganlah sekali-kali membebankan pekerja-pekerja ladang dan pekebun-pekebun kecil yang sekarang ini menghadapi kerumitan kerana kekurangan harga bahan-bahan utama ini.

Kejayaan Permodalan Nasional Berhad menguasai Syarikat Guthrie Corporation di pasaran saham London, dan Multi Purpose Holdings menguasai Dunlop, merupakan syarikat-syarikat negara ini telah menguasai sebilangan besar kuasa asing yang mengontrol pengeluaran getah di negara ini. Moga-moga dengan penguasaan ini perindustrian getah di negara bertambah maju lalu pekerja-pekerja getah dapat menikmati hasil pemilikan suatu industri oleh syarikat-syarikat negara ini. Saya harap syarikat-syarikat itu tidak akan mengenalkan nama mereka tercemar dengan penyelewengan pekerja-pekerja mereka yang kurang memuaskan. Setelah memiliki controlling shares dalam Guthrie dan Dunlop yang dipercayai syarikat-syarikat gergasi getah di negara ini, saya harap satu polisi untuk stabilkan harga getah dapat diwujudkan tidak lama lagi. Jika perlu, Kerajaan hendaklah membantu agensi-agensi Kerajaan mahupun swasta dengan bantuan yang sewajarnya untuk memiliki dan menguasai semua saham asing yang dikuasai oleh mereka dalam bidang industri pengeluaran bahan-bahan utama negara ini. Saya percaya dan yakin orang-orang Malaysia lebih mahir dan profesional dalam bidang pengeluaran hasil utama ini dan dapat 'take care of ourselves'.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa adalah tepat masanya Kementerian Pelajaran mendapat peruntukan perbelanjaan mengurus yang terbanyak dalam Belanjawan tahun 1982, iaitu sebanyak \$3,250 million, menjelang implementasi sistem pelajaran baru 3M pada tahun 1983 di semua sekolah rendah di negara ini.

Pada tahun hadapan, sistem pelajaran 3M ini akan dilaksanakan di 300 buah sekolah secara ujian. Selepas itu, skim ini akan diimplementasikan berperingkat-peringkat mulai tahun 1983 dalam Darjah Satu dan akan dimajukan setiap tahun sehingga tahun 1988 apabila proses ini ditamatkan dalam Darjah Enam di semua sekolah rendah di negara ini.

Walaupun semua pihak mengalu-alukan implimentasi projek ini, saya foresee, meramalkan beberapa masalah yang akan dihadapi oleh Kementerian Pelajaran.

- (a) Satu isu yang penting adalah kekurangan waktu belajar Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di semua Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil dan Cina apabila skim ini diimplementasikan kelak. Memandangkan Bahasa Malaysia menjadi bahasa penghantar dan bahasa rasmi negara ini, dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa perhubungan Antarabangsa, saya yakin dan percaya tambahan masa belajar Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris akan diberi bagi sekolah-sekolah ini.
- (b) Apabila skim ini diimplementasikan pada tahun 1983 sebanyak 50,000 orang guru dikehendaki mengendalikan keadaan yang rumit ini. Adakah guru-guru ini terlatih untuk memainkan peranan yang diharapkan dari mereka, walaupun mereka terdiri dari guru-guru terlatih? Guru-guru 'pioneers' ini akan membinasakan anak-anak kita jika mereka tidak mempunyai latihan, iniatif dan motivasi yang sebetulnya.
- (c) Alat-alat mengajar dan buku-buku panduan menggunakan alat-alat mengajar ini hendaklah disediakan dengan sepenuhnya dengan mengambil perhatian kepada kanak-kanak lembab. Guru-guru juga dikehendaki menyediakan alat-alat yang 'suitable' mengikut kehendak kemahiran murid-murid.
- (d) Buku-buku teks hendaklah juga disediakan sejajar dengan sistem pelajaran 3M baru ini bagi murid-murid sekolah rendah. Bahan-bahan rujukan dan buku-buku teks tambahan hendaklah disediakan dan dilengkapi dalam perpustakaan bagi rujukan guru dan ahli-ahli pendidik.
- (e) Nisbah darjah dan guru hendaklah diperbaiki lagi. Jumlah murid di setiap darjah hendaklah dikurangkan

agar dapat guru-guru memberi perhatian individu kepada setiap murid apabila sistem pelajaran 3M diimplementasikan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, suatu lagi perkara yang saya ingin membawa ke perhatian Dewan yang mulia ini adalah berkenaan dengan perlantikan pegawai-pegawai pelajaran di Jabatan-jabatan Pelajaran seluruh negara.

Peluang yang secukupnya hendaklah diberi kepada guru-guru sekolah Tamil untuk dilantik sebagai Penyelia dan Penolong Penyelia Sekolah-sekolah Tamil di Jabatan-jabatan Pelajaran seluruh negara.

Jika peluang ini tidak diberi kepada guru-guru sekolah Tamil, saya percaya peluang tunggal untuk kenaikan pangkat akan ditutup bagi guru-guru ini dan keadaan yang berterusan begini akan menjemput frustrasi guru-guru sekolah Tamil lalu kecederaan akan menimpa murid-murid sekolah Tamil.

Untuk menyelamatkan murid-murid yang tidak berdosa itu, saya merayu supaya guru-guru sekolah Tamil yang berkelayakan diberi peluang kenaikan pangkat ke jawatan-jawatan di Jabatan Pelajaran dan cawangan-cawangan di beberapa kawasan atau daerah.

Keadaan yang begini telah timbul di Jabatan Pelajaran Perak dan guru-guru sekolah Tamil tidak senang dengan perlantikan seorang guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan sebagai Penolong Penyelia Sekolah Tamil di Jabatan Pelajaran Perak, walaupun terdapat banyak guru-guru sekolah Tamil yang berkelayakan masih bertugas di negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bangga melihat Kerajaan sedang mengimp-
limentasikan cadangan-cadangan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai Dasar Pelajaran secara berperingkat-peringkat. Sekolah-sekolah kecil sedang dicantum dengan sekolah-sekolah berhampiran supaya mutu pelajaran dan pembelajaran meningkat. Saya berharap apabila sekolah-sekolah kecil ini dicantum, murid-murid dari sekolah-sekolah kecil ini tidak mengalami kesusahan pengangkutan dan sebagainya. Seperti kita sedia maklum

sekolah-sekolah kecil ini adalah terletak di kawasan-kawasan terpencil dan murid-murid dari ibubapa golongan berpendapatan rendah dan bermastautin di ladang-ladang getah. Oleh yang demikian, saya berharap kemudahan-kemudahan pengangkutan hendaklah disediakan bagi murid-murid yang terlibat dalam percantuman ini. Pihak ladang hendaklah dinasihatkan menyediakan kemudahan-kemudahan ini bagi murid-murid dari ladang-ladang mereka. Rancangan Makanan Tambahan hendaklah diberi kepada semua murid yang terlibat ini agar ibubapa mereka tidak merasa beban dan hasil rancangan yang begitu menarik ini dapat dinikmati oleh semua murid di sekolah-sekolah.

Murid-murid dari kawasan terpencil dan ladang-ladang hendaklah dianggap sebagai suatu golongan yang 'privileged' dan diberi kemudahan-kemudahan agar dapat mereka berlumba dengan murid-murid bandar yang menikmati banyak kemudahan-kemudahan sosio ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, suatu lagi isu yang saya ingin membawa ke perhatian Dewan yang mulia ini adalah berkenaan dengan 'Bantuan Modal' yang diberi oleh Kementerian Pelajaran kepada beberapa buah sekolah yang memenuhi syarat-syarat tertentu. Saya rasa cara bantuan modal ini tidaklah manfaat lagi kerana bantuan yang diberi itu tidaklah mencukupi untuk menjalankan sesuatu projek yang tertentu. Tambahan lagi birokrasi dalam pelaksanaan projek-projek ini memakan masa yang begitu lama dan sukar pula menjalankan projek tanpa beberapa red tape Kerajaan. Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan akan mengambil tindakan untuk menghapuskan pembayaran 'Bantuan Modal' ini dan diganti dengan bantuan penuh bagi semua sekolah.

Perkara ini hendaklah dianggap sebagai suatu isu yang penting dan diselesaikan dengan kadar yang segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan yang sangat mementingkan sektor sosial dalam Perbelanjaan Mengurus yang melibatkan 28.6% anggaran perbelanjaan tahun 1982.

Inilah pertama kalinya peruntukan Kementerian Kesihatan telah meningkat lebih dari \$1 billion dan ini adalah suatu peruntukan yang sewajar dengan aspirasi rakyat negara ini.

Kementerian Kesihatan patut dipuji atas usaha yang diambil untuk menubuhkan suatu unit 'heart centre' di negara ini. Persediaan-persediaan sedang dibuat untuk melatih pakar-pakar pembedahan jantung di luar negara dan alat-alat bersangkutan dengan pembedahan ini telahpun dibeli dan unit ini dijangka operasinya pada tahun hadapan.

Dengan adanya Unit Perbedahan Jantung ini, ramai pesakit terutama anak-anak muda dan budak-budak kecil yang tidak mampu menjalankan pembedahan di luar negara dapat menikmati kemudahan ini di negara ini. Mereka ini tidak payah lagi bergantung kepada pakar-pakar di luar negeri untuk menyelamatkan nyawa mereka. Saya yakin dan percaya unit ini akan diperkembangkan dengan alat-alat dan jentera yang termoden di dunia, dan pakar-pakar dan kakitangan-kakitangan unit pembedahan jantung ini akan diberi insentif yang baik agar dapat mereka menjalankan tugas dengan penuh dedikasi.

Tuan Yang di-Pertua, kami sedar bahawa Kerajaan sedang mengalami kekurangan doktor dan pakar-pakar perubatan di beberapa hospital seluruh negara. Kekurangan ini telah merumitkan rakyat jelata dan beberapa nyawa telah pun terkorban kerana tidak dapat perubatan pakar dengan segera. Masalah ini hendaklah diatasi secara 'long-term measures' dan bukan 'short-term measures' dengan pengambilan doktor-doktor dari luar negeri untuk bekerja di negara ini secara kontrak.

Saya berpendapat beberapa orang doktor yang berkelulusan dari universiti-universiti yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan masih mengganggu di negara ini walaupun mereka adalah Warganegara Malaysia. Kelulusan dan kepakaran mereka ini hendaklah diutilaikan dengan sepenuhnya bagi mengatasi kekurangan doktor di negara ini. Langkah-langkah Kerajaan ke arah ini sekarang tidaklah begitu memuaskan. Peperiksaan yang diadakan oleh Kerajaan untuk mengiktiraf kelulusan mereka itu adalah sangat 'rigid' dan sukar dilulusi oleh doktor-

doktor ini. Dalam peperiksaan yang diadakan pada tahun lepas hanya sebilangan kecil sahaja yang lulus peperiksaan ini. Saya rasa tenaga dan kepakaran mereka itu dibazirkan oleh Kerajaan. Kerajaan hendaklah melonggarkan syarat-syarat "rigidity" peperiksaan itu agar banyak lagi doktor-doktor dapat diabsorb dalam perkhidmatan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan fizikal dalam bidang perubatan tidaklah begitu memuaskan. Kemudahan-kemudahan infrastruktur bagi penduduk-penduduk luar bandar dan penduduk-penduduk ladang boleh diperbaiki lagi.

Klinik-klinik pergigian dan pusat-pusat kesihatan kecil hendaklah didirikan di semua bandar-bandar kecil dan kemudahan-kemudahan ini hendaklah dicentralisekan supaya rakyat yang tinggal di kampung-kampung terpencil dan penduduk ladang getah menikmati hasil kemodenan dunia perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, kini saya ingin menyentuh sedikit tentang peruntukan sebanyak \$3,326 million iaitu 19.2% bagi Angkatan Tentera dan Polis. Sebelum saya lanjut ucapan saya, izinkan saya mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai perisik polis yang dapat mematahkan pengkhianat Soviet Russia dan agen-agen KGBnya, dengan mendedahkan motif-motif dan niat yang buruk menjatuhkan Kerajaan ini. Tanpa usaha yang gigih, pihak perisik tidak dapat mematahkan komplot KGB itu. Tangkapan Mohd. Siddique Ghouse adalah suatu kejayaan yang dapat kita mematahkan seawal-awalnya sebelum sebarang 'damage is done'. Walaupun demikian, saya berharap Kerajaan akan berjaga-jaga langkah Kerajaan mengusir keluar diplomat Soviet Russia yang menjadi agen KGB adalah suatu langkah yang diberi dan dapat dipuji.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini musuh yang bermungkinan kepada Negara kita adalah Vietnam yang mempunyai kelengkapan senjata yang dibekalkan oleh Soviet Russia dan senjata-senjata yang ditinggalkan oleh Amerika Syarikat. Tindakan-tindakan Vietnam di rantau ini membuktikan Vietnam ialah ancaman kepada

keselamatan negara di rantau ini. Oleh yang demikian, saya bersetuju dengan tindakan Kerajaan untuk memodenkan Angkatan Tentera dengan membeli kelengkapan-kelengkapan yang moden.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cara kelengkapan dan pembelian kelengkapan-kelengkapan bagi Angkatan Tentera tidaklah begitu memuaskan. Selepas beberapa kemalangan kepada jet-jet pejuang 'Tebuan' Malaysia telah membuat keputusan membeli jet pejuang second-hand A-4 Skyhawk dari Amerika Syarikat. Tetapi kini Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan membeli jet pejuang Vought A-70 setelah Pentadbiran Reagan mengubah dasar penjualan jet-jet pejuang ini. Walau bagaimanapun, saya berharap pembelian jet-jet ini hendaklah dikaji dari segi 'long-term process', damage capabilities dan viable usage kepada negara ini.

Begitu juga pembelian Armoured Personnel Carriers (APC), Fire Support Vehicles (FSV), tanks dan sebagainya. Apa yang saya kurang pasti ialah kenapakah setiap pembelian ini hendaklah melalui agen-agen? apakah yang menghalang pengeluaran-pengeluaran kelengkapan ini terus tender kepada Kementerian Pertahanan? Saya berharap agen-agen ini sebagai seorang pertengahan dalam setiap pembelian hendaklah diketepikan agar dapat menyelamatkan berjuta-juta ringgit wang rakyat memasuki kocek mereka sebagai komisen. Biro Siasatan Negara hendaklah menyiasat agar tidak ada pakatan di antara agen-agen ini dan 'decision makers' untuk membeli atau sebaliknya sesuatu jenis kelengkapan ini. MINDEF juga hendaklah memastikan agar penyelewengan tidak berlaku sebelum memberi kelulusan membeli sesuatu alat kelengkapan ini walaupun besar atau kecil. Kalau tidak, saya khuatir suatu keputusan yang salah akan mencacatkan Angkatan Bersenjata Tentera Negara kita dan akibatnya adalah buruk kepada semua rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, suatu ancaman lagi yang sudah beberapa kali dibawa ke perhatian Dewan yang mulia ini adalah penyalahgunaan dadah. Walaupun saya mengalu-alukan langkah-langkah yang diambil oleh pihak

berkuasa, ancaman dadah ini sedang merebak kepada pemuda-pemuda negara ini. Saya rasa penalti yang begitu tinggi tidak menghalang pengedar dan pengguna dadah ini dan rancangan-rancangan pemulihan tidaklah memberi kesan yang diingati. Pihak berkuasa jika boleh hendaklah menangkap semua penagih dadah dan menjauhkan mereka dari masyarakat dan menempatkan mereka di hutan-hutan pinggir. Hutan-hutan pinggir ini boleh dijadikan rancangan-rancangan pekebun seperti FELDA dan FELCRA dan sebagainya. Beberapa pegawai boleh diberi kuasa untuk menjaga dan mentadbirkan penagih-penagih ini agar mereka bertaubat dan balik ke pangkuan masyarakat, Kerajaan hendaklah membantu pihak-pihak yang membuat kajian mengenai dadah supaya suatu penyelesaian keseluruhan dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, suatu lagi perkara yang saya ingin membawa ke perhatian Dewan yang mulia ini ialah kemerosotan mutu sukan di negara ini. Pada suatu masa dulu negara ini adalah disegani oleh beberapa negara di rantau ini dalam bidang beberapa jenis sukan seperti olahraga, badminton, bolasepak, sepakraga, hoki dan lain-lain. Tetapi kini, tidak ada sebarang negara pun yang menghormati kegagahan negara ini dalam permainan-permainan yang tersebut di atas. Apa yang telah terjadi? Saya kurang pasti.

Saya bersetuju dengan penuh, persediaan, latihan dan penubuhan sesebuah pasukan untuk bertanding di dalam dan di luar negara dalam sukan-sukan adalah tanggungjawab persatuan-persatuan permainan masing-masing. Wang yang banyak telah dibelanjakan oleh persatuan-persatuan ini untuk tujuan tersebut di atas. Kementerian juga telah membantu persatuan-persatuan ini dari segi moral dan kewangan. Tetapi apakah hasilnya?

Adakah Kementerian memberi sokongan yang sepenuhnya bagi pemain-pemain kebangsaan kita agar dapat mereka menceburi dengan sepenuhnya dalam sesuatu permainan itu? Kadangkala cuti bagi seseorang pemain pun tidak dapat diuruskan.

Saya yakin dan percaya suatu insentif hendaklah diberi kepada pemain-pemain

kebangsaan kita. Pemain-pemain kebangsaan kita hendaklah diberi penghormatan yang sepenuhnya oleh Kerajaan. Pemain-pemain Kebangsaan hendaklah dijaga dengan sesungguhnya supaya dapat mereka menjaga nama keagungan kesukaran negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya berucap tentang pasukan kebangsaan bolasepak kita. Semenjak kekalahan yang teruk di Kuwait semasa Pertandingan Pra Olympic, dan diikuti pula di tanahair kita sendiri semasa Pertandingan Silver Jubilee Merdeka di mana kita mendapat tempat yang terakhir, dan baru-baru ini di Bangkok, Piala Raja Thai, kekalahan yang teruk sekali. Pasukan kita juga kalah ditangan pasukan Singapura di sana. Bolehkah kita percaya perkara ini?

Adakah mutu permainan kita merosot begitu teruk sekali? Kerajaan harus menyasat dakwaan pertandingan bolasepak kini penuh dengan (korupsi). Orang-orang yang korup ini hendaklah didedahkan dan hukuman mahupun dia seorang pemain, pengurus, jurulatih atau lain-lain pegawai sukan. Mereka ini adalah pengkhianat negara.

Mutu bolasepak hendaklah ditinggikan lagi dan pegawai-pegawai persatuan-persatuan sukan hendaklah terdiri daripada mereka yang mempunyai pengalaman yang luas di dalam bidang ini. Pegawai-pegawai persatuan-persatuan sukan biarlah rational dalam pemikiran dan jangan pula 'shift the blame' kepada orang-orang lain atas kegagalan mereka.

Pada suatu masa, negara kita adalah jaguh dunia dalam permainan badminton. Kini kita tidak mempunyai pemain-pemain yang dianggap mempunyai 'world standard'.

Begitu juga dalam permainan hoki. Selain daripada mendapat kedudukan yang keempat yang amat memuaskan di Piala Dunia di K.L. kita tidak dapat mengekalkan nama di lain-lain pertandingan hoki.

Untuk meninggikan mutu permainan pemikiran politik harus dipisahkan dari kegiatan sukan. Tokoh-tokoh politik, jika boleh, janganlah dilantik ataupun dipilih mempegawakan Persatuan-persatuan Sukan atas sebab-sebab tertentu. Jika tidak, Tuan Yang di-Pertua, saya khawatir setiap tindakan sukan akan diberi penggambaran politik lalu

mencemarkan keharmonian perkauman di negara ini. Sukan hendaklah disaksikan dengan semangat kesukanan dan segala kekalahan hendaklah diterima seperti cogan kata Olympik, dengan izin, "The Important Thing In Sport Is Not Winning But Taking Part".

Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan alukan pembinaan infrastruktur oleh pihak Jabatan Kerja Raya untuk kemudahan-kemudahan rakyat. Tetapi pembinaan kemudahan-kemudahan bangunan tidaklah begitu pesat dan agak lewat sedikit. Pihak Jabatan Kerja Raya sedang membina bangunan bagi beberapa Kementerian dan beberapa projek tidak dapat dilaksanakan dalam jangka masa yang ditetapkan.

Saya berpendapat pembinaan infrastruktur bagi Kementerian-kementerian hendaklah dilaksanakan secara 'turnkey method' di mana Kementerian berkenaan dapat melaksanakan projek masing-masing dengan secepat mungkin mengikut 'prioriti' mereka. Perkara seperti ini boleh dilakukan bagi pembinaan-pembinaan pusat-pusat kesihatan, hospital, sekolah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri yang juga menjadi Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang melonggarkan syarat kepada isteri-isteri asing yang duduk di negara ini. Perkara ini telahpun dibawa oleh saya ke perhatian Dewan yang mulia ini pada masa yang lampau.

Banyak isteri-isteri asing yang berkahwin dengan rakyat negara ini mengalami beberapa kesulitan di negara ini sebelum polisi terhadap mereka diumumkan. Mereka ini menjadi orang asing dan diusir keluar dalam negara suami mereka sendiri. Tetapi Kerajaan 2M yang baru ini telah membuktikan perikemanusiaan mereka dan menyelesaikan masalah dengan jujur dan simpati. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, suatu lagi perkara yang saya ingin menyentuh adalah berkenaan dengan pencemaran yang berlaku akibat penumpahan minyak di laut. Dalam suatu wawancara dengan 'Business Times' pada 7hb Oktober, 1981 Ketua Pengarah,

Bahagian Alam Sekitar, Encik S. T. Sundram dilaporkan berkata dengan izin:

“Much like the preparedness to deal with fire, this is of the same level. This is because until the event occurs, one cannot really say for sure whether the degree of preparedness actually matches the scale of the actual event.”

Selat Melaka adalah sesuatu perairan yang tersibuk sekali dalam dunia dan lebih kurang 450 kapal besar termasuk lebih kurang 110 kapal tangki minyak melintas perairan ini dalam sesuatu minggu. Sebahagian besar rakyat negara ini bergantung kepada laut bagi penghidupan mereka. Oleh yang demikian, rancangan-rancangan ‘contingency’ untuk menawan pencemaran minyak hendaklah dirancang dengan rapi dan teliti agar sebarang peristiwa penumpahan minyak hanya mempunyai kesan (effect) yang minima.

Manakala, Ketua Pengarah itu telah membandingkan keadaan kesediaan jabatannya dengan Jabatan Bomba berkenaan dengan pencemaran minyak di laut, saya ingin menasihatkan Ketua Pengarah itu, jangan menunggu suatu lagi trajedi kebakaran godown pelabuhan Kelang atau kebakaran bangunan Bank Bumiputra sebelum keadaan kesediaan itu dipastikan. Saya harap ujian-ujian menghalang pencemaran penumpahan minyak ini hendaklah seringkali dilakukan supaya menguji dan menilaikan tahap keadaan persediaan ini. Saya faham pengujian seperti ini memakan belanja yang banyak, bukan seperti latihan bomba. Tetapi malang sekali, dalam Belanjawan tahun 1982 tidak ada sebarang peruntukan bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk menjalankan kajian dan latihan yang penting ini.

Saya difahamkan Jepun telah menubuhkan suatu revolving fund sebanyak \$4.4 million bagi rancangan ‘contingency’ penumpahan minyak. Tanpa kepakaran dan sistem yang effective, hanya wang ringgit sahaja tidak boleh memainkan peranan yang diingini itu. Oleh yang demikian, saya mencadangkan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mengkaji kemungkinan menggunakan wang dari Tabung Pusingan Jepun itu.

Saya juga mencadangkan supaya Malaysia memainkan peranan yang penting dalam rancangan menawan pencemaran penumpahan minyak bagi negara-negara Asean, kerana penumpahan minyak di Selat Melaka akan mengakibatkan kesan yang buruk bagi Malaysia, Indonesia dan Singapura, manakala penumpahan minyak di South China Sea akan memberi kesan yang sama buruk bagi Thailand, Filipina dan Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pengawalan pencemaran penumpahan minyak dilakukan melalui alat-alat jentera, masih terdapat bahan-bahan kimia juga digunakan untuk mengawal pencemaran penumpahan minyak ini.

Saya berpendapat penggunaan bahan-bahan kimia ini hendaklah digunakan sebagai jalan yang terakhir sekali, ‘a last resort’, kerana bahan-bahan kimia ini mungkin akan menjejaskan penghidupan lautan (marine life).

Kementerian hendaklah mengubal undang-undang supaya memastikan bahan-bahan kimia yang selamat digunakan bagi mengawal pencemaran penumpahan minyak ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya memohon menyokong Anggaran Belanjawan bagi tahun 1982.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir.

5.20 ptg.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang yang diberi pada saya untuk memperkatakan sesuatu sepatah dua mengenai dengan Rang Undang-undang Perbekalan 1982 yang diutarakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kelmarin di Dewan yang mulia ini.

Sebagai seorang yang datang dari negeri jelapang padi Malaysia dan seorang yang dipilih oleh negeri itu untuk menduduki di Dewan yang mulia ini, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang tersebut walaupun terdapat peruntukan pengurusan lebih besar dari peruntukan

pembangunan yang akan dilaksanakan dalam tahun yang akan datang ini. Saya mengucapkan syabas kepada Menteri dan Timbalan Menteri kerana ternampak beberapa amalan kesungguhan oleh pihak Kementerianya dalam usahanya hendak mencapai beberapa tujuan mulianya iaitu mengutamakan perkembangan aktiviti-aktiviti ekonomi dalam negeri, memperhebatkan usaha untuk membasmi kemiskinan, membendung inflasi dan bertindak menguatkan imbalan pembayaran negara.

Tuan Yang di-Pertua, adalah nyata kepada kita iaitu negara kita dapat mengekalkan dan mengembangkan pertumbuhan ekonominya kepada paras yang baik dan tinggi walaupun kita menerima tekanan dengan berbagai pengaruh inflasi, kenaikan harga barang di dalam dan di luar negeri. Apa yang menarik perhatian kita ialah walaupun gejala buruk dan tekanan inflasi masih berterusan hingga ke beberapa masa ke hadapan tetapi dengan keazaman yang kuat Kementerian Kewangan kita itu meneruskan peranannya dalam usaha menunaikan kehendak-kehendak sosio-ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya bukanlah peruntukan berapa banyak yang harus dipersoalkan walau berapa ribu million dicatatkan di dalam kenyataan kerana pembangunan, kerana pengurusan, saya fikir yang harus dipersoalkan ialah, apakah peruntukan-peruntukan itu boleh dibelanjakan dengan betul dan sebaik-baiknya, atau bolehkah ia dihabiskan dalam masa jangka masa yang ditentu atau adakah natijah amalan projek-projek yang dibuat itu memberi faedah sepenuhnya kepada yang ditujukan. Sebaliknya kalaulah beribu-ribu juta ringgit dimasukkan dalam anggaran dan faedahnya sedikit persennya sahaja dinikmati oleh rakyat maka itu adalah suatu kegagalan bagi kita.

Jawapan kepada soalan-soalan yang di atas tadi, rasa saya tentulah melibatkan perancangan dan pengurusan iaitu kedua-duanya sekali. Oleh itu saya rasa sesuai saya sarankan sedikit di sini kalau sudah Kerajaan ataupun sedang mengambil langkah-langkah bagi memperkemaskan jenteranya maka hendaklah diteruskan amalan itu supaya

menyelaraskan kaedah pentadbiran bagi mempercepatkan proses serta meningkatkan kecergasan membuat keputusan. Bukan masanya lagi bagi Kerajaan menggunakan akan memperbaiki pengurusan projek dan keupayaan pelaksanaan-bukan masanya lagi. Kita tahu dan rakyat pun tahu cita-cita dan sikap Kerajaan di bawah pimpinan 2M ini, walaupun kedua-duanya belum pernah menyebut kurangkan red-tape seperti yang biasa didengar di bawah pimpinan yang lalu tetapi dengan amalan dan tindakan kedua-duanya sudah ternyata bahawa amalan red-tape terpaksa dikurangkan ke peringkat yang paling minima. Kalau banyak anak-anak syarikat dalam perbadanan-perbadanan yang mengalami kerugian tidak usah dibaiki lagi dan perlu ditutup sahaja. Dan kalau ada syarikat-syarikat yang dibantu oleh Kerajaan yang merupakan sebagai hidup segan mati tidak mahu pun wajib ditamatkan riwayatnya supaya ubat penyembuhan itu boleh digunakan untuk penyakit di tempat lain.

Begitu juga tugas, kewajipan, amalan tidak boleh terhadap satu pekerjaan, kalau sudah diberi dalam masalah tidak boleh, mengapa hendak dirunding panjang-panjang lagi. Sekali sudah tidak boleh maka sampai bila pun tidak boleh, usaha mencari jalan, usaha mencari elah kerana itu dan ini. Itu adalah satu amalan atau perbuatan baik, perbuatan tegas, jujur oleh dua pemimpin itu.

Kata 2M, Kerajaan kita mesti bersih, bersih reality dan bersih maknawi atau jiwa. Bandar mesti bersih, jalanraya mesti bersih, kedai-kedai dan rumah mesti bersih, airport Terminal mesti bersih, pejabat-pejabat dan kawasan di Bukit Kayu Hitam perenggan Thailand dengan Malaysia mesti bersih, Pejabat-pejabat dan kawasan di Johor Bahru perenggan dengan Singapura mesti dibersihkan, kerana bersih ujar pemimpin-pemimpin kita itu mengikut ajaran agama adalah sebahagian dari iman. Bila kita berada di dalam kebersihan orang sukakan kita. Orang memuji-muji kita. Dagang datang melangkah kaki ke dalam negara ini, dagang memuji dan berkenaan. Dagang pula membawa cerita bila balik ke negaranya, negara ini cantik, bersih, baik orang-orangnya—itulah negara bertuah, negaraku Malaysia. Bersih maknawi ialah bersih jiwa.

Dalam amalan dengan tindakan tidak mempunyai niat sesuatu selain daripada Allah dan negara dan bukan kerana kepentingan nama, bukan kerana pangkat, darjat, bukan kerana poket, bukan kerana hendak besar rumah. Walaupun kebersihan jiwa itu sukar diawasi dengan saya bercakap, tetapi saya percaya Jabatan Perdana Menteri harus ada mempunyai alat komputernya yang boleh mengesan siapa orang-orangnya, di mana orang-orangnya mengapa kelemahannya dan sebagainya. Bila ternyata begitu segera bertindak mengubatinya supaya diri yang mengurus tidak rosak, projek yang diurus tidak tergendala, wang ringgit dan negara tidak punah begitu sahaja.

Bercakap mengenai Jabatan Perdana Menteri, saya fikir ianya mempunyai bidang kuasa yang amat besar dan luas. Ugama juga di bawah tadbir kawalannya, selain daripada Bahagian Ekonomi, Pertahanan dan Keselamatan walaupun kedua-duanya mempunyai Kementerian tertentu tetapi bolehlah kita fahamkan kesemuanya itu terkeluar dari pemikiran 2M yang ada di situ.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sudut pertahanan, suratkhbar dan majalah-majalah menyiarkan rancangan Kerajaan hendak membeli A-4 Skyhawk dan sudahpun membuat tempahan dari Amerika Syarikat tetapi di masa-masa akhir ini mungkin kerana tadbiran Reagan membuka semula rancangan penjualan perkakas perangnya, terdapat negara ini hendak membeli Vought A-7D Corsair pula dan selain daripada itu saya faham sebanyak 88 Cocuns telahpun dibeli oleh Malaysia, Saya tak tahu apa hendak dibuat kepada Cocun, mungkin alat-alatnya pada permulaan difahamkan boleh digunakan oleh Skyhawk tetapi bila sudah ditukar maka Cocun juga harus tidak menjadi faedah. Saya tidak tahu sama ada itu merugikan kita atau tidak dalam perancangan pembelian alat-alat tersebut. Saya harap ianya tidak akan rugi dan kalau rugipun harus tidak banyak, kadar milion-milion sahaja.

Mengenai pembelian kereta-kereta perisai dan tanks kita difahamkan Kerajaan masih belum membuat keputusan yang mana satu harus dibekalkan untuk pertahanan negara

kita. Saya bimbang kita harus terperangkap dengan permainan negara industri ini, semakin lama kita menunggu, semakin banyak perbelanjaan yang harus dikenakan. Dalam satu berita juga Perdana Menteri kita yang dikasihi telah membuat lawatan ke satu bengkel Airod, dengan izin, Aircraft Overhaul Depoh atau Depoh Baikpulih Alat Perkakas di Subang. Dalam kenyataan di akhir lawatan beliau menyebut Airod ini satu bengkel yang sophisticated dan hampir sampai kepada tahap yang mengagumkan lantas beliau berharap bengkel ini akan menjadi suatu markas besar memperbaiki jentera-jentera udara, bukan sahaja untuk negara ini tetapi kalau boleh untuk negara serantau. Oleh itu adalah menjadi harapan saya kepada pihak perancangan harus memerhati dan menitikberatkan pandangannya ke arah matlamat mulia itu sehingga bukan sahaja boleh menjadikan markas baikpulih tadi suatu nadi membaiki alat perkakas bahkan diperbesarkan skopnya supaya di situ juga akan tumbuh rancangan-rancangan markas latihan walaupun di peringkat teknik permulaan, kerana dengan berbuat demikian negara kita akan menyelamatkan banyak wang dari digunakan di luar-luar negeri. Kita harus berhenti atau harus saya membuat cadangan supaya kita menghentikan penghantaran kerana mengambil latihan juruteknik-juruteknik kita itu ke luar negeri. Kalau kita sudah bersedia melatih mereka dengan secukupnya di negara kita sendiri, mengapa lagi kita menghantar mereka ke sana.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya masuk di dalam perbelanjaan pembangunan, suka saya menyentuh sedikit mengenai keselamatan dalam negeri. Sepanjang ingatan saya dalam tahun 1981 ini, negeri saya di Kedah, Baling sudah dua kali menerima insiden yang menyayatkan hati, iaitu perbuatan pengganas komunis yang tak bertimbang rasa terhadap pasukan keselamatan kita, alangkah sedihnya perbuatan mereka itu. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tahu bila saya menyebut perbuatan yang tidak bertimbang rasa tadi dan saya tak mahu bercakap kisah yang menyayatkan hati itu tetapi saya cuba bertanya di sini mengapa boleh jadi begitu? Adakah lemahnya kumpulan-kumpulan

perisek kita sehingga berlaku dua perkara yang menyayatkan hati, sudah dibunuh ditembak pula, ditikam pula walaupun nyawa sudah keluar dari badan atau adakah senjata-senjata kita atau alat pertahanan yang ada kepada kita sudah jadi out-of-date, tidak dapat digunakan, ketinggalan masa dan zaman atau adakah pasukan keselamatan yang kita tempatkan di situ mempunyai kurang pengalaman dalam menghadapi angkara-angka yang seumpama itu ataupun adakah sesuatu perhubungan di antara pasukan keselamatan dengan rakyat setempat tidak secukupnya dan sejajar? Inilah yang menjadi soal tanda tanya rakyat jelata mengapa, khusus orang yang bertanggungjawab mengapa jadi begitu.

Saya mahu Kerajaan mencari apa jua jalan sekalipun supaya insiden yang seumpama itu tidak berulang lagi sejarahnya. Kita mempunyai banyak wang, tenaga, cerdik pandai tetapi mengapa kita tidak gunakan segala kuasa-kuasa ini.

Pada pendapat saya setidak-tidaknya perjanjian Jawatankuasa Sempadan hari ini konon sedang bersidang di Bangkok harus mengubah dan menyusun semula strategi-strateginya dalam tindakan menghapuskan penganas komunis di kawasan-kawasan. Saya dapat faham polis sahaja yang boleh masuk, askar tidak dibenarkan ke dalam sebuah negara jiran, mengapa begitu, pada hal tugas dan tujuannya adalah sama. Kalau tidak boleh begitu, setidak-tidaknya segala kawasan yang menjadi sasaran di persempadanan di antara dua negara ini hendaklah diisytiharkan untuk dijadikan beberapa projek, sama ada pembangunan ataupun projek pembangunan berkeluarga ataupun berkelompok supaya dapatlah setidak-tidaknya bekas-bekas perajurit kita mengambil tempat di sana dan dengan itu bukan sahaja akan menjamin keselamatan bahkan ianya juga akan menolong ekonomi mereka selepas berkhidmat dengan Pasukan Keselamatan kita begitu lama.

Menyentuh berkenaan pembangunan sektor pertanian, saya mengucapkan terima kasih atas perhatian Kerajaan terhadap sektor ini. Saya datang dari negeri yang penuh dengan tumbuh-tumbuhan, penuh dengan padi dan beras, yang saya faham setidak-

tidaknya 65% negeri yang menyelenggarakan anak rakyat Malaysia yang makan beras daripada Kedah. Saya tujukan pertama projek FELDA adalah sesuatu yang sangat baik dan harus dipelihara dengan teliti. Baru-baru ini suara-suara telah terbit ialah suatu keputusan bahawa projek FELDA ini akan diubah caranya, dari pelaksanaan individu kepada kolektif, atau dengan lain perkataan, sama-sama bekerja, sama-sama merasa siapa yang ponteng tak boleh dapat apa-apa. Ini adalah baik dan rasa saya sesuai dengan kehendak agama, siapa yang rajin bekerja ia akan dapat ganjaran, siapa yang malas bekerja ia akan mendapat kosong balasnya. Tetapi harapan saya sebelum dilaksanakan sistem ini elok benar dibawa runding dahulu dengan ketua-ketua agama, bukan sahaja dengan Menteri-menteri Besar tetapi dengan ketua-ketua agama mengenai dengan penerimaan harta pesaka, hadiah ganjaran andainya sesuatu berlaku ke atas peneroka yang dimasukkan ke dalam sesuatu rancangan itu. Pihak yang berkenaan harus juga meneliti apakah sesuatu reaksi serang balas akan bangkit sekiranya ada perbezaan di antara sistem yang lama dengan sistem yang baru.

Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak akan menjadi masalah sekiranya sistem yang baru itu hendak dijadikan buah mulut oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab atau oleh parti-parti politik yang sentiasa menentang dasar Kerajaan ini. Mereka harus ataupun akan berkata khususnya dalam kempen-kempen pilihanraya akan datang, perbuatan sama kerja, sama rasa ini adalah ajaran komunis, mereka boleh meracun fikiran rakyat di kampung-kampung supaya menentang sistem ini, atau dengan lain perkataan, menolak Kerajaan yang ada sekarang.

Dalam Dewan yang mulia ini saya tidaklah berasa ragu tentang hendak mengatakan sokongan rakyat kepada Kerajaan sebab dari selama inipun amalan dan perbuatan parti-parti Pembangkang sentiasa sahaja melaung-laungkan Kerajaan ini telah terkeluar dari garis agama Islam. Di kampung-kampung pendalaman dalam negeri saya, orang-orang Melayu, orang-orang Islam telah berpecah dan berbalah sesama sendiri akibat amalan dakyah penerangan kumpulan-kumpulan yang tidak bertanggungjawab. Sekarang ini

saya difahamkan bukan sahaja di Kedah, Perlis bahkan yang lebih dahsyat ialah kejadian di Kelantan dan Trengganu, sudah lebih 35 buah masjid didirikan dalam beberapa kariyah yang separuh-separuhnya masjid itu terletak tidak berapa ratus ela sahaja dari masjid yang sedia ada di situ. Apakah akibatnya telah, sedang dan akan berlaku ke atas orang-orang kita, orang-orang Melayu yang beragama Islam? Apakah tindakan yang sepatutnya dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Ugama Negeri mengenai hal ini? Apakah yang harus dibuat oleh bahagian keselamatan terhadap mereka yang suka menghasut dan memecah-belahkan masyarakat yang tidak berdosa itu? Saya serahkan kepada pihak yang bertanggungjawab mengambil tindakan. Dakyah-dakyah yang pernah dibuat dalam negeri saya tidak lain ialah Kerajaan ini Taghut, Kafir, Syaitan dan Iblis, Kerajaan tidak pernah menjalankan hukum Allah di bumi Allah, kata mereka. Kita ini atau Kerajaan ini menghukum mengikut sesuka hati, ikut kehendak politik sekular. Walaupun kita telah berusaha menyekat kemaraan tuduhan buruk itu tetapi tahulah keburukan lebih pantas diterima dari kebaikan. Meruntuh sesebuah binaan lebih cepat dari membinanya.

Memandangkan dari sudut keselamatan juga dalam sebulan dua ini, Tuan Yang di-Pertua, banyak terdapat amalan-amalan jenayah seperti merompak, menyamun, merogol dan sebagainya. Ya, kita lihat banyak sudah yang dihukum manakala sabit kesalahannya tetapi dalam pada itu tidak kurang juga amalan jenayah ini menjadi-jadi.

Kita rasa malu kerana apabila pelawat dan pelancang dari luar negeri melawat ke sini tiba-tiba disamun dan dicuri harta-bendanya. Ini memalukan benar. Perbuatan seperti ini sudah pasti membawa kesan buruk kepada negara luar.

Saya harus bertanya tidaklah ada sesuatu, wahai pihak yang bertanggungjawab sesuatu ubat yang dapat menghalang perbuatan durjana itu? Kita dengar cerita orang di luar negeri menjual suratkhbar dengan tabung ikhlas sahaja diletakkan di atas suratkhbar itu, si penjual tidak ada di situ ia pergi membuat sesuatu kerja lain. Ini adalah amalan baik tetapi kisah rogol jarang

diperbesar-besarkan melainkan setelah perogol menjadi pembunuh barulah diceritakan secara besar-besaran. Saya fikir pihak keselamatan Polis tentu ada jalan-jalannya menentang dan membenteras penyakit ini, Polis harus ada dalam mana-mana juga hotel di negara kita ini, Polis harus boleh mengajar orang ramai supaya mengenal mana satu hantu bungkus dan hantu raya, mana satu orang preman atau orang bekerja, mana satu Wakil Rakyat atau orang biasa. Saya tak berapa setuju sebaliknya sebuah kereta kecil Wakil Rakyat, Ahli Parlimen dengan lambang terbentang di hadapan dan di belakang, tiba-tiba seorang anggota polis yang agak sudah berumur cuba membaca berkali-kali lambang kereta itu seolah-olah ianya belum faham apakah itu lambang yang ada di hadapan kereta itu walaupun kecil. Mujurlah Mat Isa dan Mohamad Sani sudah diberkas di Sungai Way, kalau tidak susah hati juga orang-orang Selangor, Negeri Sembilan, Perak dan Kedah berulang alik dengan kereta ditahan sepanjang jalan; sebab kami juga bimbang mana tahu kalau ada orang menumpang yang serupa dengan Mohamad Sani, orang itu membahayakan keselamatan kami. Walau bagaimanapun, saya turut ucap syabas dan terima kasih kepada polis dan berharap semoga perkhidmatan mereka diberkati Allah dan disanjung tinggi oleh masyarakat seluruhnya.

Menyentuh hal dakyah dan jenayah saya fikir bukan sahaja pihak Polis boleh bertindak mengikut undang-undang Pencuri, penyamun, perampas perlu ditangkap; pencolek; perosak ketenteraman dan keharmonian, pengacau, pemecah-belah pun perlu ditangkap. Tetapi selepas ditangkap Kementerian Undang-undang harus meneliti dan mengkaji semula hukum-hukum yang pernah dihukumkan itu. Kalau kesalahan tidak memakai topi keledar boleh dihukum \$500, tetapi hukum mencuri, menyamun, mencolek dan yang besar-besar lagi masih berada ditakuk lama juga, ini tidak memberi makna sama sekali. Begitu juga hukuman-hukuman dalam Mahkamah Syariah. Walaupun kita tidak ada suatu kuasa, tetapi dengan nasihat Kementerian Perundangan masih tidak ada perubahan, separuh-separuhnya hukuman itu masih kekal ditulis oleh bangsa penjajah dahulu. Saya cuba

bertanya bukankah kita sudah merdeka beralah Malaysia, berteraskan ugama yang maha suci dan saksama.

Saya fikir kita harus ubahsuaikan mana yang boleh sedikit demi sedikit. Kalau Perdana Menteri boleh mengubah sikap pegawai-pegawainya datang ke pejabat lebih awal; jam 8.00 pagi punch card, itu dan ini mengapa pula dari segi undang-undang yang mudah tidak boleh diubahkan, mengapa?

Pandangan Islam tidak salah kalau pukul 12.00 tengahari dikira gelincir matahari, masuk waktu zuhur dan kita harap selepas daripada datang awal ke pejabat seperti yang dikehendaki semua masyarakat Malaysia Timur dan masyarakat Semenanjung Malaysia akan bangun awal-awal pagi sekurang-kurangnya setengah jam dahulu daripada yang biasa bangun di waktu ini bila menjelang 1982 nanti.

Elok dari sekarang kita latihkan bangun setengah jam dahulu daripada masa yang kita sedang amalkan dewasa ini. Kepada orang-orang Islam beruntung dapat nikmat beribadah wajib dan sunat, orang-orang lain bolehlah pegang kepada pepatah Inggeris ataupun Arab, dengan izin: *Early to bed and early to rise, makes a man healthy, wealthy and wise*. Ertinya, tidur awal dan bangun awal, menjadikan seseorang itu sihat, segar dan bijaksana.

Pepatah Arab berkata: Keberkatan sentiasa dapat pada awal-awal pagi. Kepada pihak yang bertanggungjawab hal undang-undang adalah diharapkan setidak-tidaknya sesuatu dapat dibuat setimpal dengan jenayah yang dilakukan. Saya fikir bukanlah satu perbuatan zalim kalau seseorang itu dihukum ke taraf maksima mengikut hukum yang ada sekarang kerana kita belum sampai kepada hukum kalau mencuri potong tangan, nanti dahulu-tidak. Tetapi harus ke arah itu, persediaan mahu dibuat dari masa sekarang. Pencuri, perompak, penyamun mesti ditegaskan hukuman yang lebih berat supaya dengan hukuman-hukuman itu kelak akan terjejas perasaan mereka tidak akan melanggar perbuatan-perbuatan jenayah yang sedang bermaharajalela di masa ini.

Menyentuh perkara pelajaran, bahasa dan juga tulisan, saya dapati jalan-jalan ke arah

menjadikan sekumpulan rakyat Islam negara ini sebagai ulamak masih belum ada persediaannya—belum lagi. Walaupun kita dapat di situ Muftinya, Kadi Besarnya, tetapi untuk menjadikan sekumpulan yang dipanggil: 'Al-ulama warithatul ambia' belum ada persediaan yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran.

Kita akui usaha Kementerian Pelajaran meletakkan penuntut-penuntut dari sekolah ugama ke taraf yang agak baik, tetapi apa yang diketahui mereka itu hanya berkelulusan akademik dan vokesyenal sahaja, tidak banyak atau tidak ada berapa kerat yang boleh ditarafkan seperti yang saya sebutkan tadi dengan izin: Al-ulama warithatul ambia. Ulama, bijak pandai mewarithi tahap kenabian seperti yang disabdakan oleh Rasullullah. Oleh itu, wahai Kementerian Pelajaran persediaan ke arah ini haruslah dibuat dari sekarang supaya betul-betul rujukan sesuatu dapat diambil dari golongan-golongan tersebut. Sementelah kita melihat ala Malaysia sekarang harus akan menuju ke ala Ugama Islam yang dikehendaki. Kementerian Pelajaran harus bertindak membenteraskan ajaran-ajaran songsang di Maktab-maktab Pelajaran Tinggi di dalam dan di luar negeri yang disuakan kepada anak-anak kita sekarang ini. Bagi saya tidak berapa setuju menempatkan anak-anak mentah kita di rumah bapa-bapa angkat bila berada di luar negeri atas alasan konon tidak cukup tempat atau salah satu jalan hendak melatih dan menyesuaikan mereka dengan alam sekeliling. Bagi saya tidak setuju dengan perbuatan sedemikian, kerana dalam masa 6 bulan atau setahun sudah cukup ilmu membiasakan diri itu dapat mempengaruhi jiwa anak-anak kita dengan ibubapa angkat yang mereka tinggal sudah mereka dapat mengikuti jejak langkah itu. Begitu juga di tempat-tempat kediaman lain, saya fikir Kementerian harus bertindak segera menghantar untuk memimpin anak-anak kita di seberang laut, menghantar guru-guru yang berkelulusan, berpengalaman bukan sahaja dalam bidang ugama, tetapi juga dalam bidang politik dan akademik.

Berbalik saya kepada masalah mengenai tulisan dan bahasa. Saya fikir kedua-duanya berpaut di antara satu dengan yang lain. Saya sebutkan kisah tulisan dahulu daripada bahasa

kerana kita semua ketahui dan semua orang ketahui bahawa tulisan jawi adalah tulisan yang sudah dipakai lebih ratusan tahun oleh orang-orang Melayu, pemerintah-pemerintah dan siapa juga yang datang ke negara bertuah ini. Lihatlah apa juga sejarah; yang ditulis mengenai Trengganu, mengenai Kedah, Patani, Sumatra dan lain-lain semuanya tercatat dengan tulisan jawi dan tulisan itu sesuai benar dengan Ugama Islam negara kita, memang sesuai, tetapi sekarang saya tidak tahu ke manakah dan di manakah duduknya tulisan itu.

Allahyarham Pendita ZA'BA cuba mempertahankan tulisan ini tetapi lama kelamaan ia terpaksa merumitkan dengan tidak lari dari makhraj atau tempat asal keluaran huruf-huruf itu. Malang seribu kali malang, sekarang ini usaha ZA'BA ditinggalkan begitu sahaja dan pula konon dihidupkan dengan satu bentuk tulisan rumi. Kalau saya eja tadi bunyinya 'tadi', tetapi bila orang lain tulis kadi dia kata "kadhi", padahal tadi-tadi, kadi-kadhi, mengapa dia tidak kata 'kadi' nanti orang ketawa dengan sebutan yang sedemikian rupa. Dahulu kita kenal dengan 'taklimat' usul asal perkataan 'ilmu' yang diambil (derive) daripada bahasa Arab 'taklimah', ataupun orang sekarang mengatakan 'briefing'. Sekarang bukan lagi 'taklimah', sudah jadi 'taklimat'. Banyak lagi perkataan yang telah diseludup, di main, dipusing sehingga usul asalnya sukar kita mencari. Wallahualam, apa akan jadi kepada Bahasa Melayu, tulisan asal orang-orang Melayu ini digunakan ratusan tahun dahulu tetapi sekarang, sudah ditinggalkan.

Dahulu kita berbangga dalam kota Kuala Lumpur, syarikat besar Kenderaan Bas Sri Jaya dengan tulisan Jawi walaupun tidak begitu betul dengan khat-khatnya tetapi sekarang Sri Jaya tulisan Jawi sudah dikuburkan, maka tinggallah "SRI JAYA" sahaja berjalan di tengah bandar Kuala Lumpur. Bukan setakat itu sahaja, saya dapati dan Ahli-ahli Yang Berhormat juga dapati papan-papan tanda (signboards) tulisan di tepi jalan itu dan ini, nama seribu nama, padahal kita mahu mengagungkan Bahasa Kebangsaan masih dihidupkan, tidak disebut. Rancangan Kemajuan Tanah Persekutuan disebut FELDA, lepas itu disebut KADA,

lepas itu disebut MADA lepas itu disebut UDA, lepas itu disebut DARA-kesemuanya ini dicuri bahasa orang lain, memaksa jiwa orang Melayu menerima perkataan-perkataan ini. Akhirnya kelak anak cucu yang tidak mengetahui akan bertanya: "Apakah itu 'FELDA' wahai bapak?". Bapa masih menjawab: "Rancangan masuk ke FELDA, rancangan kelapa sawit, rancangan getah." Itu sahaja tetapi Federal Land Development Authority tidak tahu langsung kerana dia tidak mengetahui bahasa itu, begitupun masih subur sekarang, ini kumpulan-kumpulan baru masih mengagungkan walaupun dia mengaku kita hendak jadikan bahasa ini sebagai Bahasa Kebangsaan, sebagai bahasa yang teragung dengan harapan bahawa 4-5 tahun ke hadapan bahasa ini akan subur di dalam Majlis Bangsa-bangsa Bersatu dan memang sudah ada diucapkan dengan Bahasa Kebangsaan kita di Majlis Bangsa-bangsa Bersatu tetapi dalam celah-celah begitu tumbuh UDA, MADA, DARA dan sebagainya-mengapa? Patut orang yang berkenaan mengambil perasaan tanggungjawab dalam masalah mencemarkan Bahasa Kebangsaan yang kita agungkan sekarang.

Saya harap satu Jawatankuasa perlu ditubuhkan oleh Kerajaan untuk mengkaji hal-hal ini sama ada kemungkinan atau tidak diperhidupkan semula tulisan yang saya sebutkan tadi ataupun semoga ianya benar-benar memberi faedah kepada masyarakat Malaysia, terutamanya orang-orang Melayu yang beragama Islam dengan sebab mengetahui tulisan tadi dia akan fasih membaca Quran, dia tidak akan tersalah, dan tidak akan dikutuk oleh Quran kerana membaca terkeluar daripada makhraj yang dikehendaki.

Begitu juga bahasa-bahasa yang sedang dicemarkan oleh cendiakawan, cerdik pandai (intellectual) sekarang, konon hendak membanggakan itu KADA, ini KADA dan sebagainya, maka itu juga harus dikaji oleh Jawatankuasa, menukar segala-galanya supaya tidak akan dikutuk oleh anak bangsa kita. Kita benci kepada bahasa lain, tidak mahu hendak memperhidupkan bahasa lain tetapi dicelah itu kita memperhidupkan bahasa yang kita tidak mahu belajar.

Cuba lihat, Ahli-ahli Yang Berhormat harus perhati bila menonton Televisyen Malaysia dalam perlawanan atau acara-acara besar di negara kita yang ditunjukkan di tengah padang. Saya fikir bila ternampak sahaja iklan-iklan yang digantungkan di keliling dalam padang itu, kita terasa memikir seolah-olah kita berada di luar negara, bukan dalam negara Malaysia, bukan negara yang mengagungkan Bahasa Kebangsaan! Cuba kita lihat siaran TV dari Indonesia, siaran TV dari Thailand, siaran TV dari negara-negara Arab, Timur Tengah dan sebagainya. Di sana sudah ternyata di mana duduknya bahasa dan tulisan mereka dan ternyata di mana jauhnya perbezaan antara mereka dengan kita yang sentiasa mengagungkan bahawa Bahasa Kebangsaan mesti diagungkan; yang sentiasa diucap supaya bahasa ini dipelihara dan dijaga tetapi dalam perhatian TV itu sudah kita mengerti betapa lemahnya usaha-usaha ke arah menegakkan tulisan yang dikatakan itu, usaha-usaha menegakkan bahasa yang dipuji-puji itu sudah tidak ada lagi hakikatnya yang sebenar. Padahal kalau kita lihat dalam Perlembagaan Arab, Perlembagaan Thailand, dia tidak mengatakan bahawa ini bahasa rasmi, dia tidak mengatakan bahawa tulisan ini mesti jadi tulisan rasmi-tidak. Kita sahaja yang mengatakan begitu, sebaliknya kita tidak memperkukuhkan kedudukan bahasa-bahasa kita.

Oleh itu, siapa yang bertanggungjawab, saya tidak tahu. Rasa saya perlu dilantik sebuah Jawatankuasa Petugas bukan sahaja sekadar memperbetulkan itu tetapi mengalihkan keadaan ini supaya dapat membuat satu kajian dan mencerminkan keadaan bahasa, tulisan, kalau boleh balik kepada tulisan bangsa Melayu yang asal itu, maka itu memberi makna yang besar kepada kedudukan kita sekarang. Saya amat bimbang lama kelamaan anak generasi kita di masa akan datang tidak tahu membaca sejarah asal yang ditulis oleh penulis-penulis sejarah bangsanya sendiri melainkan divedok-cedok sahaja dari tulisan orang lain.

Lihat sekarang pun hanya berapa orangkah yang dapat membaca Batu Bersurat, kisah Dang Raya Rani, kisah Portugis melanggar Melaka dan lain-lain kisah lagi yang ditulis dalam Bahasa Melayu, dalam tulisan Jawi dan

berapa banyakkah orang-orang Melayu sekarang ini, anak-anak kita sekarang ini ataupun bukan anak abang-abang kita sekarang ini yang boleh membaca Quran? Saya tidak tahu, melainkan diberi Quran yang bertulisan rumi, itupun harus boleh baca dan harus tidak; melainkan sekadar yang mudah-mudah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, masa sudah lanjut, beralih saya kepada soal pelancungan. Saya lihat sejumlah peruntukan yang agak besar telah disediakan untuk menarik lebih banyak pelancung-pelancung seperti yang terebut di dalam ini—pelancung-pelancung dari Australia, pelancung-pelancung dari Eropah, pelancung-pelancung dari Jepun. Itulah baik, memang baik tetapi bolehkah difikir masalah ini bila pelancung datang apa pelancung bawa, bila pelancung balik apa pelancung tinggal. Jarang kita memikir kesan peninggalan pelancung yang datang, waktu dia datang dan waktu dia pergi. Tetapi orang hendak tinggikan Australia, ayuh tinggilah, orang hendak tinggikan Eropah, ayuh tinggilah, apakan daya hanya kita boleh memberi pandangan kadar yang boleh diterima.

Mengapa tidak mahu ambil perhatian terhadap pelancung-pelancung yang datang dari negara yang mengerti ugama Islam, dari negara-negara orang yang membawa tradisi yang baik dan manis serta molek, mengapa? Kita fikir masalah kewangan, kita tidak memikir masalah open breast, minta maaf, dengan izin, buka dada, buka seluar, ponggong melentik dan sebagainya. Kita tidak fikir masalah itu, masalah orang datang, hanya mendaftarkan mereka yang datang. Tetapi kita tidak fikir masalah apa yang ditinggalkan oleh pendedag. Mengapa tidak dibuat satu susunan acara, dibuat sesuatu langkah usaha-usaha ke arah menarik pelancung-pelancung yang datang dari negara yang kaya kalau hendak cari wang, Arab, Timur Tengah dan sebagainya. Saya rasa kalau ada usaha-usaha dibuat ke arah itu Arab pasti datang, duit banyak di curah ke dalam negara kita, insya Allah. Tetapi kita memikir Australia, kita memikir Amerika dan sebagainya, tidak memikir, akibat yang harus kita terima setelah mereka pulang.

Saya fikir kita harus boleh berkira lebih baik pelancung daripada negara Timur Tengah

daripada Australia dan sebagainya, kerana selain daripada sealiran ugama, mungkin kelakuan separuhnya akan berbau ala Islam, adat ketimuran yang halus dan baik mungkin boleh ditiru, mungkin boleh diambil pendapat, mungkin boleh dapat wang lebih banyak daripada orang-orang yang dimaksudkan.

Selain daripada itu, rasa saya elok saya kemukakan pandangan-pandangan kita harus lebihkan memberi perhatian kepada negara-negara yang saya sebutkan tadi dari masa ke semasa kerana saya fikir lebih cepat kita dapat menarik perhatian negara Timur Tengah kepada kita lebih beruntung kita daripada menarik orang-orang Eropah dan Amerika.

Secara ringkas mengenai rancangan pelancungan di utara Malaysia, baru saya lihat laporan khusus di Pulau Langkawi, sahabat saya tadi telah berucap namun begitu saya fikir Kerajaan boleh menubuhkan sebuah Jawatankuasa mengkaji keadaan perjalanan ulang alik dari pulau itu ke tanah daratan kerana perkhidmatan perhubungan yang ada dan sedang berjalan sekarang di antara tanah daratan dengan pulau itu sama sekali tidak memuaskan. Ia hanya dapat membawa ulang alik penumpang sahaja padahal terdapat kemahuan setelah ditanya dan diselidik bahawa feri-feri itu seharusnya dapat dimuatkan dengan kenderaan bersama memandangkan Pulau Langkawi yang telah disumpah tujuh keturunan itu, sekarang ini sedang berkembang maju dengan pesatnya dan dipercayai dalam beberapa tahun yang akan datang, pulau itu akan menjadi sebuah pulau yang maju manakala rancangan kilang simen yang berjumlah lebih kurang \$400 juta, sebuah industri batu marmar hampir \$100 juta, manakala projek-projek ini berjalan saya fikir sudah semestinya beberapa kenderaan harus dibawa untuk pelancung-pelancung berulang alik ke sana hatta juga orang-orang dalam negeri ini untuk melihat keindahan pulau itu yang sedang berkembang maju dengan pesatnya sekarang ini.

Mengenai rancangan inflasi melawan inflasi, saya fikir Kerajaan harus menghadapi semula rancangan Buku Hijau, rancangan Jaya Diri yang pernah dilancarkan di satu masa dahulu oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Kementerian ini

luput mati di satu ketika tetapi sekarang alhamdulillah di bawah pimpinan 2M dihidupkan, disuburkan dan dirohkkan balik di bawah gembala seorang Menteri yang agak lincah, Menteri yang agak bersemangat dedikasi dan sebagainya. Saya percaya dua amalan ini Buku Hijau dan Jaya Diri harus akan dapat membantu usaha-usaha Kerajaan dalam melawankan inflasi yang sedang menjadi-jadi di negara kita sekarang ini.

Saya tidak hendak bercakap mengenai dengan perkara binaan rumah kos murah tetapi harus diperingatkan Kerajaan kalau sekali adil mesti sepuluh kali adil, sampai bila-bila mesti adil. Orang yang tidak layak harus dihambat keluar daripada mendapatkan rumah, hanya diberi kepada orang yang sepatut dan selayak bila Kerajaan membina rumah-rumah ini. Perkara pembinaan api dan air mungkin ini satu pandangan yang agak lucu tetapi kalau Kerajaan berkehendak bahawa negara ini hendak menunjuk sebagai sebuah negara makmur tidakkah boleh, mungkin boleh, tetapi saya sahaja tanya, tidakkah boleh sepanjang jalan dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur, sepanjang jalan dari Kuala Lumpur ke Alor Setar terus ke Kangar kadar kurang lebih 500 kilometer sahaja, setiap satu kilometer dipasangkan satu lampu elektrik, sepanjang jalan Federal Highway. Ini akan memberi besar maknanya kepada pengembara-pengembara di waktu malam. Satu kilometer satu lampu dan kalau 500 kilometer hanya 500 biji lampu sahaja yang dipasang daripada Kuala Lumpur terus ke Perlis. Barangkali 500 lampu juga daripada Kuala Lumpur terus ke Johor Bahru, jumlah keduanya 1,000 biji lampu, barangkali sesuku sahaja yang ada dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini. Saya agak itu boleh buat, pasti boleh dibuat dan ini mencerminkan kemakmuran negara kita.

Pengangkutan dan sebagainya agak masa tidak mengizinkan, saya tidak pergilah panjang. Banyak sungutan mengenai dengan lesen teksi, lesen permit lori dan sebagainya, ini haraplah dapat dikaji semula, jangan ada orang yang menerima tidak dapat bekerja, tidak dapat melaksanakan apa yang diminta.

Akhirnya, saya menuntut maaf dan menyokong penuh dasar yang diutarakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri

Kewangan ketika membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 1982.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan S. Subramaniam.

6.21 ptg.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk memberi sokongan kepada Belanjawan 1982.

Strategi belanjawan tahun 1982 adalah bertujuan untuk terus menggalakkan perkembangan ekonomi, membasmi kemiskinan dan membendung inflasi. Tujuan-tujuan ini adalah sejajar dengan hasrat rakyat dan oleh itu adalah dialu-alukan dan patut dipuji, lebih-lebih lagi ketika dunia sedang mengalami kemelesetan ekonomi yang berterusan. Sekali lagi Menteri Kewangan telah mengambil satu approach yang dinamik dan berpandangan jauh dan dengan tegasnya telah mengemukakan beberapa langkah-langkah belanjawan untuk menghadapi cabaran-cabaran dan masalah-masalah ekonomi negara kita pada tahun 1982.

Kerajaan kita telah sentiasa memberi keutamaan kepada perkembangan ekonomi melalui:

- (a) peruntukan-peruntukan wang yang berlipat ganda dari setahun kesetahun untuk perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan khususnya kepada golongan yang berpendapatan rendah dan golongan miskin; dan
- (b) melalui langkah tanpa menaikkan cukai-cukai. Kerajaan sebaliknya telah mengurangkan cukai-cukai terutamanya cukai-cukai bagi barang-barang asas yang digunakan oleh golongan berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara-negara perindustrian utama mengurangkan perbelanjaan-perbelanjaan mereka oleh sebab kadar inflasi yang tinggi tetapi kesan-kesan yang berikutan tidak menyelesaikan masalah-masalah ekonomi dan sebaliknya kadar pengangguran semakin meningkat di

negara-negara itu. Tetapi Malaysia sebagai negara yang sedang membangun telah terus membesarkan perbelanjaan Kerajaan dan menurunkan atau menahan kadar inflasi dan telah berjaya memberi lebih peluang pekerjaan dan mengurangkan kadar pengangguran. Keadaan ini adalah dibanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini menggesa Kerajaan untuk meneruskan dasar memperkembang dan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi. Hanya dalam konteks perkembangan rakyat pada keseluruhannya dapat menikmati faedah dengan adil dan saksama dan seterusnya dapat mengurangkan kadar kemiskinan.

Saya telah menegaskan dahulu bahawa kita harus memastikan bahawa Dasar Ekonomi Baru harus dipatuhi sebenar-benarnya bukan sahaja dengan kata-kata tetapi dengan perbuatan mengikut semangat dan tujuannya.

Membasmi kemiskinan dan penyusunan semula tanpa mengira kaum adalah dua aspek utama Dasar Ekonomi Baru. Kemiskinan terdapat di seluruh negara tanpa mengira bangsa. Jadi penyusunan semula adalah penting untuk semua bangsa. Saya ingin menggesa Kerajaan untuk memastikan bahawa Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan tanpa sebarang penyelewengan sama sekali. Nama baik dan reputasi Kerajaan Barisan Nasional harus dipertahankan. Ini dapat dibuat dengan memberi kepastian bahawa masyarakat Malaysia keturunan India diberi keutamaan yang sama dalam usaha mengurangkan dan membasmi kemiskinan dan dalam penyusunan semula ekonomi.

Satu aspek utama dalam kempen membasmi kemiskinan adalah memberi kemudahan-kemudahan pelajaran yang lebih banyak dan baik di kawasan-kawasan luar bandar. Dalam hal ini saya ingin menyeru Kerajaan supaya memberi keutamaan; yang pertama untuk memperbaiki keadaan sekolah-sekolah di kawasan-kawasan luar bandar termasuk di ladang-ladang di mana kemudahan-kemudahan pelajaran amatlah tidak memuaskan. Selanjutnya adalah amat penting demi kepentingan menggalakkan perpaduan negara bahawa sekolah-sekolah Tamil harus dibawa ke dalam arus pelajaran

kebangsaan secepat mungkin. Bahasa Kebangsaan harus diberi lebih keutamaan dari segi guru-guru, kewangan dan masa dalam pengajaran Bahasa Kebangsaan di sekolah-sekolah Tamil.

Saya ingin menambah bahawa sejajar dengan pembaharuan ekonomi Malaysia, pihak Kerajaan harus memberi lebih keutamaan terhadap pelajaran teknikal dan pengeluaran lebih banyak pekerja-pekerja teknik yang terlatih. Ini amatlah perlu untuk menambah pengeluaran tenaga pekerja muda. Kecuali bagi menambah kemampuan dan pengeluar pekerja-pekerja teknikal, kita akan terus mengalami kekurangan tenaga mahir dalam bidang-bidang penting pengeluaran ekonomi.

Dengan pesatnya urbanisasi (urbanisation) penghijrahan aliran tenaga pekerja dari kawasan-kawasan luar bandar ke bandar akan berterusan, maka kekurangan tenaga pekerja di sektor pertanian, ekonomi kita akan berterusan dan menjadi buruk. Ini mungkin membawa kesan yang buruk ke atas pengaliran dalam sektor pertanian dan akibatnya akan membawa kesan-kesan yang buruk terhadap harga hasil pertanian dan seterusnya terhadap tanaman hasil negara dan pengeksportannya.

Oleh yang demikian, adalah amat mustahak agar Kerajaan mencari jalan untuk menggalakkan pekerja-pekerja luar bandar termasuk pekerja-pekerja di ladang-ladang untuk terus mengusahakan tanah mereka dan

memberi bantuan-bantuan supaya pendapatan mereka meningkat ke taraf yang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja ladang terutamanya harus diberi segala kemudahan-kemudahan seperti rumah, tempat tinggal yang selesa, sekolah-sekolah yang lebih baik, kemudahan-kemudahan kesihatan dan pada keseluruhannya memperbaiki kualiti kehidupan mereka untuk menggalakkan mereka menetap di ladang-ladang. Sekiranya perkara ini tidak diberi perhatian kekurangan tenaga akan merebak ke ladang-ladang, akibatnya pengeluaran getah, pengeluaran minyak kelapa sawit dan perkembangan sektor pertanian pasti merosot dengan akibat yang buruk atas seluruh ekonomi. Oleh yang demikian Kerajaan harus menggalakkan kalau tidak pun dimestikan majikan-majikan supaya memberi pekerja-pekerja ladang yang terdiri daripada berbagai kaum masyarakat Malaysia gaji dan juga kemudahan-kemudahan yang berpatutan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat bolehlah menyambung ucapan besok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok, 11hb Disember, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.